

JAWAPAN

TEMA
1

Suluh Masa Depan

PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Menganalisis keputusan Pentaksiran Tingkatan 3; pencapaian murid-murid sekolah kita; kolej vokasional; kebolehan masing-masing; menghadapi konflik; sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.

PBD Kemahiran Membaca

- Sentiasa berfikir positif
- Tidak pernah terfikir untuk gagal
- Mempunyai tahap kepercayaan diri yang tinggi
- Sentiasa berusaha untuk menempatkan diri dalam kalangan orang yang cemerlang
- Berkomunikasi dengan penuh keyakinan dan berterus terang
- Sentiasa memikirkan cara untuk memberikan sumbangan dan manfaat kepada orang lain

PBD Kemahiran Menulis

1. rezeki perlu diusahakan dan tidak datang dengan sendiri
2. membentuk keteguhan
3. menyebabkan tidak dapat mencapai kemenangan
4. gaya kehidupan yang tidak tentu arah/kacau-bilau/tidak keruan
5. mendatangkan kesan yang tidak elok/baik

PBD Aspek Seni Bahasa

1. penyair yang bersifat rendah diri berkata bahawa dia menulis syair ini berpandukan pendapat dirinya yang belum cukup sempurna
2. • supaya kata-kata yang kita luahkan tidak menyinggung perasaan orang lain
• menggambarkan sikap kita yang berbudi bahasa berasaskan didikan keluarga dan guru


TEMA
2

Bersih Selalu, Sihat Sentiasa

PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- Kesan buruh jika gigi rongak
- Struktur gigi tidak seimbang
 - Gigi kelihatan tidak tersusun
 - Tidak dapat makan dengan selesa
 - Tidak dapat menikmati makanan dengan sempurna
 - Meningkatkan risiko tercekik
 - Menghadapi masalah penghadaman
 - Kehilangan tulang di kawasan rahang
 - Percakapan tidak jelas, bentuk wajah kelihatan lebih tua, dan menjejaskan penampilan diri

PBD Kemahiran Membaca



PBD Kemahiran Menulis

1. mata merah dan berair
2. pedih dan silau apabila terkena cahaya matahari
3. gatal di bahagian kelopak mata
4. banyak tahi mata
5. membersihkan kelopak mata dengan menggunakan kapas dan air suam
6. mengelak daripada melihat cahaya matahari atau cahaya terang
7. mengelak daripada mendekati orang lain
8. mendapatkan rawatan di klinik atau hospital yang berdekatan

PBD Aspek Tatabahasa

1. Maksud: aktiviti atau kajian yang menggunakan pengetahuan sains
Ayat: Kemajuan sains dan teknologi sebenarnya mempunyai kebaikan dan keburukan.
2. Maksud: perhubungan secara langsung atau melalui perantaraan
Ayat: Contoh komunikasi di sekolah ialah perbualan murid sesama sendiri dan guru dengan murid-murid.
3. Maksud: daya pengeluaran
Ayat: Produktiviti buruh Malaysia mencatatkan penurunan pada suku pertama tahun 2020.
4. Maksud: kemungkinan ditimpa bahaya atau kerugian
Ayat: Orang ramai dinasihatkan agar duduk di rumah untuk mengurangkan risiko dijangkiti virus Covid-19.
5. Maksud: hormon yang dikeluarkan oleh pankreas untuk mengawal kepekatan glukosa dalam darah
Ayat: Seseorang menghidap kencing manis kerana badannya tidak dapat menghasilkan insulin.

6. Maksud: organisma yang hidup di dalam tanah, air, atau bahan organik
Ayat: Bakteria dan virus tidak dapat dilihat dengan mata kasar.
7. Maksud: aturan untuk melakukan sesuatu
Ayat: Mereka yang tidak menjaga pemakanan sering mengalami gangguan sistem penghadaman.
8. Maksud: usaha untuk mendapatkan atau memberikan perlindungan daripada penyakit tertentu menerusi suntikan
Ayat: Ibu bapa disyorkan agar mematuhi jadual imunisasi anak mereka.

TEMA 3 Kecerdasan Meningkatkan, Keterampilan Memikat

PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- Pada pendapat saya, pengambilan pemain-pemain import dalam sukan bola sepak tempatan memberikan kesan positif kepada negara. Antara kebaikan yang diperolehi ialah pemain tempatan dapat meningkatkan kemahiran dan pretasi permainan mereka. Hal ini demikian kerana mereka berlatih dalam satu pasukan dengan para pemain import yang diakui hebat. Selain itu, kewujudan pemain import dalam sesuatu perlawanan dapat meningkatkan jumlah penonton kerana mereka mempunyai daya tarikan tersendiri. Jumlah penonton yang bertambah bukan sahaja dapat meningkatkan jualan tiket dan pendapatan negara, malahan dapat menaikkan semangat berpasukan.
- Maaf, saya tidak bersetuju. Saya berpendapat bahawa pengambilan pemain-pemain import dalam sukan bola sepak tempatan menengahkan peluang pemain tempatan untuk beraksi dalam perlawanan yang penting. Pemain-pemain tempatan yang mungkin berpotensi terpaksa duduk di bangku pemain simpanan disebabkan posisi mereka diambil oleh pemain import yang dianggap lebih berkebolehan. Keadaan ini sudah tentu tidak sihat terhadap perkembangan bakat pemain bola sepak tempatan. Di samping itu, pasukan negeri terpaksa membayar gaji yang tinggi kepada pemain-pemain asing, Bayaran yang paling rendah bagi seseorang pemain asing ialah RM8000 sebulan. Jumlah ini amat besar jika dibandingkan dengan pemain tempatan yang menerima bayaran kira-kira RM2000 sebulan. Bagi saya lebih baik jika wang itu dibelanjakan untuk mengembangkan bakat-bakat baharu.

PBD Kemahiran Membaca

Pada pendapat saya, terdapat beberapa kebaikan sekiranya kita mempelajari seni pertahanan diri. Pertama, kita dapat berusaha untuk menangkis serangan penjenayah yang berniat untuk menculik atau menyamun kita. Seterusnya, kita dapat mengisi masa lapang kita sekiranya kita mempelajari seni pertahanan diri. Masa yang terluang dapat dipenuhkan dengan menambahkan ilmu dan kemahiran diri serta mengelakkan kita daripada terjebak dalam kancah sosial. Akhir sekali, mempelajari seni pertahanan diri dapat dijadikan sebagai aktiviti sukan. Selain menyihatkan badan, kita juga berpeluang untuk menyertai acara sukan yang dipertandingkan pada peringkat daerah, negeri, malahan kebangsaan dan antarabangsa. Penyertaan tersebut pastilah mengharumkan nama kita sendiri, keluarga, dan negara. Kesimpulannya, seni pertahanan diri wajar dipelajari memandangkan faedahnya yang banyak. Secara tidak langsung, kita dapat mengekalkan warisan kebudayaan masyarakat.

PBD Kemahiran Menulis

budaya makan makanan segera tidak elok dijadikan amalan dalam kehidupan sehari-harian kerana membawa beberapa kesan buruk kepada penggemar makanan segera.

Antara kesan buruk pengamalan makan makanan segera ialah kesihatan tubuh badan terjejas. Kandungan garam dan lemak yang tinggi dalam makanan segera menyebabkan penggemar makanan tersebut berisiko untuk menghidap pelbagai penyakit kronik, seperti darah tinggi, obesiti, diabetes, dan serangan jantung.

Selain itu, budaya makan makanan segera membazirkan wang ringgit. Hal ini demikian kerana harga makanan dan minuman di restoran makanan segera lebih mahal berbanding dengan restoran biasa. Masyarakat jauh daripada amalan berjimat cermat dalam berbelanja apabila sering menghabiskan wang untuk makan dan minum di restoran makanan segera

Amalan makan makanan segera juga menyebabkan makanan tempatan terpinggir. Segelintir masyarakat beranggapan bahawa makanan segera mewah dan mempunyai kelas berbanding dengan makanan tempatan. Hal ini demikian restoran makanan segera berhawa dingin dan jenama yang terkenal di seluruh dunia.

Kesimpulannya, budaya makan makanan segera harus dielakkan agar kita dapat menjaga kesihatan diri dan mengamalkan sikap berhemat dalam perbelanjaan. Pada masa yang sama, kita dapat memajukan perniagaan restoran makanan tempatan sekiranya kita sering menikmati makanan tempatan.

PBD Aspek Seni Bahasa

1. tanpa berusaha
2. nilainya
3. ditukar ganti
4. berkhasiat
5. kenyang
6. badan cantik
7. dimanfaatkan
8. bawalah
9. markah tinggi
10. senaman pagi
11. cergas
12. cerdas
13. Yang Esa
14. hidup

TEMA 4 Waspada Selalu!

PBD Kemahiran Membaca

Pembeli haruslah berwaspada sebelum dan semasa melakukan urusan pembelian dalam talian. Pembeli perlulah membuat kajian sama ada syarikat atau pihak yang menjual barang atau perkhidmatan tersebut benar-benar wujud bagi mengelakkan pengguna ditipu. Tambahan pula, pembeli tidak boleh memeriksa barang yang hendak dibeli di depan mata. Dalam menjalankan urusan jual beli atas talian, pembeli dan penjual digalakkan agar berkomunikasi meskipun pembeli terpaksa menunggu jawapan daripada penjual dalam tempoh masa yang agak lama agar urusan tersebut berlangsung dengan jaya dan lancar.

PBD Aspek Tatabahasa

1. cerah
2. merah
3. mudah
4. mesra
5. palsu
6. rajin
7. sahah
8. celik
9. popular
10. salah
11. bijak
12. canggih

TEMA
5

Dirghayu Negaraku

PBD Kemahiran Membaca

1. menjanjikan sesuatu seperti keselamatan, kebaikan, ketulenan, dan lain-lain
2. bermakna atau penting
3. menggerakkan atau memesatkan sesuatu kegiatan seperti ekonomi, pembangunan, dan sebagainya
4. peradaban atau keadaan masyarakat dan negara yang telah mencapai taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran yang tinggi
5. berkaitan dengan manusia atau bersifat kemanusiaan
6. menerima atau mempersetujui sesuatu tidak dengan begitu sahaja
7. berdiri di atas kaki sendiri dan tidak mengharapkan orang lain untuk menolongnya
8. surat hak milik tanah
9. yang berkaitan dengan pelaksanaan sesuatu kerja atau bidang pengetahuan tertentu
10. mudah merasai sesuatu dan lekas memberikan reaksi terhadap sesuatu rangsangan

PBD Kemahiran Menulis

Remaja sebagai aset negara perlu menghayati sejarah demi membina jati diri mereka. Dengan mengetahui sejarah lampau, remaja dapat memahami situasi negara hari ini. Seterusnya, mereka dapat juga mengetahui kisah-kisah perjuangan generasi dahulu dalam usaha memerdekakan negara. Tambahan lagi, hal ini dapat memupuk patriotisme dalam kalangan remaja. Selain itu, segala tindakan dan perlakuan generasi dahulu dapat dijadikan teladan dan panduan remaja hari ini melalui sejarah. Akhir sekali, remaja dapat mengetahui susur galur keturunan mereka melalui sejarah di samping menyemai nilai murni dalam diri mereka.

TEMA
6

Integriti Tinggi, Sahsiah Terpuji

PBD Kemahiran Menulis

1. Pada pendapat saya, timbul perbualan antara mereka kerana Supiah tidak berpuas hati terhadap ayahnya yang menghendakinya tinggal dengan datuk dan neneknya di kampung. Hal itu akan menyebabkan Supiah terpaksa berjauhan dengan ayah, ibu, dan kawan-kawannya.

2. Ayah menghantar Supiah dan Nora ke kampung agar mereka dapat hidup dengan gembira, hidup dekat dengan alam, bergaul dengan masyarakat kampung yang tidak mementingkan diri sendiri, menjadi insan yang berani, dan mempunyai fikiran yang baik.
3. Ya, Supiah bersetuju dengan keputusan ayahnya itu. Supiah menatap wajah ayahnya dengan penuh pengertian setelah mendengar sebab-sebab ayahnya memintanya tinggal bersama-sama nenek dan datuknya di kampung.

PBD Aspek Seni Bahasa

makan suap; kolar biru; mencegah itu lebih baik daripada mengubati; duit kopi; tiada lukah yang kenyang oleh air; menanggung di air keruh; pangkal jalan; sudah terhantuk baru tengadah; ditelan mati emak, diluahkan mati bapa; tiada beban, batu digalas

TEMA
7

Persaudaraan Tanpa Sempadan

PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- Petikan dialog tersebut tentang jenis-jenis aktiviti kesukarelawanan dan faedah-faedah menyertai kegiatan kesukarelawanan. Antara aktiviti yang dijalankan adalah berasaskan alam persekitaran, berasaskan hospital, dan haiwan. Biasanya aktiviti kesukarelawanan kerap diadakan di rumah orang-orang tua, pusat penempatan mangsa bencana alam, dan sebagainya.
- Sukarelawan remaja memperoleh pelbagai faedah daripada aktiviti tersebut. Antaranya, remaja dapat memahami kehidupan dan kesengsaraan orang lain. Selain itu, remaja dapat memahami cara-cara menyelesaikan masalah dan dapat berkongsi pengalaman, kemahiran, serta bakat mereka dengan orang lain.
- Aktiviti kesukarelawanan juga dapat melahirkan generasi remaja yang prihatin dan penyayang. Di samping itu, remaja yang menyertai aktiviti ini terhindar daripada gejala negatif kerana masa lapang mereka digunakan untuk melakukan aktiviti yang baik. Generasi remaja yang prihatin dan penyayang serta bijak memanfaatkan masa amat penting untuk membentuk generasi pemimpin pada masa akan datang.
- Seseorang sukarelawan melakukan aktiviti ini dengan ikhlas. Oleh itu, beberapa nilai murni lain juga wujud pada diri mereka seperti nilai kerjasama, hormat-menghormati, kasih sayang, dan lain-lain lagi.

PBD Kemahiran Membaca

Amalan makan nasi beramai-ramai di dalam satu dulang yang dikongsi empat hingga lima orang membawa banyak manfaat kepada masyarakat sekiranya sering dipraktikkan. Satu daripada manfaat perkongsian makanan di dalam dulang ialah masyarakat dapat mengamalkan sunah yang dipraktikkan oleh Rasulullah SAW. Hal ini membolehkan mereka memperoleh pahala dan keberkatan yang sangat diingini dalam kehidupan. Melalui amalan makan nasi di dalam dulang beramai-ramai, masyarakat dapat memupuk nilai kasih sayang. Ketika menikmati hidangan tersebut, masyarakat saling bertoleransi dan tidak kedekut. Di samping itu, amalan berkongsi makanan pada sesuatu masa dapat mengelakkan pembaziran yang amat dibenci oleh Tuhan. Hal ini demikian kerana setiap ahli kumpulan menghabiskan makanan bersama-sama. Melalui amalan berkongsi makan nasi bersama-sama ini juga, makanan yang dihidangkan di dalam dulang mudah disediakan kerana dimasak banyak di dalam sebuah periuk. Selepas menikmati hidangan, masyarakat juga tidak perlu mencuci

pinggan mangkuk yang banyak. Hal ini pastilah menyenangkan masyarakat kerana menjimatkan masa dan tenaga mereka.

PBD Kemahiran Menulis

Pendahuluan:

bencana berlaku di mana-mana dan bila-bila masa sahaja, termasuk di Malaysia – bencana yang paling kerap berlaku ialah banjir – lazimnya pada akhir tahun atau musim tengkujuh – saya tidak lupa untuk mengambil peluang memberikan beberapa sumbangan kepada mangsa-mangsa banjir

Isi-isi penting:

- sumbangan wang ringgit – mengikut kemampuan diri – wang dimasukkan ke dalam tabung sumbangan khas – melalui dalam talian – dapat digunakan untuk menampung perbelanjaan mangsa banjir
- sumbangan pakaian – pakaian lama yang masih elok – kain batik, kain pelekat, dan selimut – mangsa banjir dapat berganti pakaian yang bersih dan selesa
- sumbangan sebagai tenaga sukarelawan – membantu untuk mengagihkan makanan dan barang keperluan – menyertai kumpulan pembersihan di pusat pemindahan mangsa banjir – memperuntukkan masa terluang untuk membantu orang lain
- doa – senjata umat Islam – memohon Tuhan memberi keselamatan kepada mangsa-mangsa banjir dan pihak yang membantu mereka – memohon agar bencana dikurangkan di negara kita – menunaikan solat hajat

Penutup:

hidup biarlah berbakti – berusaha untuk memberikan sumbangan kepada orang lain – agar dapat mengeratkan persaudaraan sesama kita tanpa mengira bangsa dan agama – ke arah mewujudkan masyarakat penyayang

PBD Aspek Tatabahasa

- kata-mengata
- lelangit
- Lambat-laun
- Tetamu
- tiba-tiba
- Rupa-rupa
- berdikit-dikit
- kecil-kecilan
- berura-ura
- Tanah-tanah
- selambat-lambatnya
- gopoh-gapah
- karut-marut
- bau-bauan
- bunga-bunga

TEMA 8

Subur Bahasa, Mekar Sastera

PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- Rozita : Terima kasih atas kesudian Datuk melapangkan masa untuk sesi wawancara bersama-sama saya.
- Datuk Latif : Saya sebagai Ketua Lembaga Bahasa Melayu Melaka, bersedia untuk memberi penjelasan dan pendapat yang berkaitan.
- Rozita : Apakah peranan yang dapat dimainkan oleh ibu bapa untuk memartabatkan bahasa Melayu?

Datuk Latif : Ibu bapa hendaklah memupuk semangat cinta akan bahasa Melayu dalam kalangan anak-anak mereka sejak kecil supaya semangat ini berkekalan sampai bila-bila. Bak kata pepatah, kalau hendak melentur buluh biarlah dari rebungunya.

Rozita : Apakah pula peranan pihak kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu?

Datuk Latif : Selain mewajibkan penggunaan bahasa Melayu dalam urusan rasmi yang menjadi amalan kerajaan selama ini, saya berpendapat bahawa kerajaan perlu melantik pihak pemantau untuk menguatkuasakan akta dan undang-undang yang berkaitan dengan penggunaan bahasa Melayu. Tindakan ini akan menjadikan masyarakat mementingkan penggunaan bahasa Melayu baku dalam urusan harian.

Rozita : Pada pendapat Datuk, bagaimanakah badan berkanun seperti Dewan Bahasa dan Pustaka dapat terus memperkasakan bahasa Melayu?

Datuk Latif : Dewan Bahasa dan Pustaka disarankan agar bekerjasama dengan sekolah-sekolah bagi menjalankan pelbagai aktiviti untuk memperkasakan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid. Hal ini dapat memastikan bahasa Melayu menjadi bahasa yang dinamik dan relevan mengikut arus perubahan.

PBD Kemahiran Menulis

- Sebanyak 13 orang tokoh sastera telah menerima Anugerah Sastera Negara hingga kini.
- Tokoh Anugerah Sastera Negara dipilih dalam kalangan tokoh sasterawan yang masih hidup supaya mereka dapat menikmati ganjaran wang tunai serta pelbagai kemudahan dalam menjalani kehidupan dan berkarya.
- Pada pandangan saya, karya sastera memainkan peranan penting untuk memupuk perpaduan kaum dan melahirkan masyarakat Malaysia yang aman, harmoni, bahagia, dan mempunyai jati diri sebagai masyarakat Malaysia melalui penyampaian gaya bahasa yang indah dan menarik serta cerita-cerita yang dipaparkan.

PBD Aspek Seni Bahasa

- Penulis menggunakan gaya bahasa yang indah dan menarik, seperti penggunaan bahasa halus, iaitu kakanda, bonda, dan adinda serta simile, iaitu bagai bermain dengan api.
- Penulis menggunakan teknik plot yang pelbagai, seperti dialog antara bonda atau emak dengan "aku" atau Nora.
- Penulis memaparkan tema kekeluargaan, iaitu kisah keluarga miskin yang sangat mementingkan prestasi akademik demi mengubah nasib keluarga.
- Penulis memaparkan latar masyarakat kampung yang miskin tetapi mementingkan ilmu pengetahuan, masyarakat pelajar, dan masyarakat yang berusaha dengan gigih untuk berjaya.

TEMA 9

Indah Seni, Endah Budaya

PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Kelab Kesenian dan Seni Kreatif, Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Rambai, Melaka akan menyertai Pertandingan Gubahan Bunga Peringkat Daerah Melaka Tengah pada 8 Jun 2020. Oleh

itu, kelab tersebut mengadakan uji bakat dalam kalangan ahlinya pada 23 Mei 2020 bersamaan hari Sabtu, pukul 10.00 pagi hingga 1.30 tengah hari di dewan sekolah. Ahli persatuan yang ingin menyertai uji bakat perlu membawa peralatan dan bahan sendiri. Pada pendapat saya, pihak sekolah tidak menyediakan peralatan dan bahan untuk pertandingan uji bakat supaya para peserta lebih kreatif menghasilkan gubahan kerana mereka dibenarkan untuk membawa barang-barang keperluan sendiri selain menjimatkan kos pihak sekolah. Di samping itu, para peserta dapat merahsiaikan gubahan bunga yang hendak disediakan. Ahli-ahli yang terpilih akan menghadiri kelas gubahan bunga yang dikendalikan oleh Puan Maslina binti Khairuddin, guru penasihat Kelab Kesenian dan Seni Kreatif. Kelas gubahan bunga diadakan supaya para peserta mengikut tatacara yang betul dan lebih yakin menyertai Pertandingan Gubahan Bunga Peringkat Daerah Melaka Tengah itu nanti. Ahli persatuan yang ingin mendapatkan maklumat lanjut boleh menghubungi Setiausaha Kelab Kesenian dan Seni Kreatif, iaitu Puan Fauziah binti Ali.

PBD Kemahiran Membaca

Permainan wau antara permainan tradisional di Malaysia dan sangat terkenal di negeri Kelantan serta Terengganu. Permainan ini masih dimainkan oleh pelbagai lapisan masyarakat hingga kini. Terdapat pelbagai bentuk wau. Wau bulan paling terkenal kerana sangat cantik dan bentuk bahagian ekornya unik. Selain dimainkan sebagai sumber hiburan dan untuk tujuan pertandingan, wau dicipta untuk dijadikan perhiasan dinding dan kraf tangan. Bahan asas untuk membuat wau, iaitu buluh mestilah daripada buluh yang baik dan kering supaya wau yang dihasilkan baik mutunya. Terdapat dua orang pemain yang memainkan sesebuah wau, iaitu juruanjung dan jurutali. Walaupun zaman terus berubah, namun permainan wau masih terus popular. Permainan ini tetap kekal sebagai warisan bangsa yang tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

PBD Kemahiran Menulis

Kesalahan tatabahasa	Pembetulan
1. Tarian didefinisikan sebagai gerakkan badan, tangan, dan kaki mengikut rentak muzik yang dimainkan.	1. Tarian didefinisikan sebagai gerakan badan, tangan, dan kaki mengikut rentak muzik yang dimainkan.
2. Tarian yang dipersembahkan dari setiap kaum mempunyai asal-usul dan tujuan tersendiri.	2. Tarian yang dipersembahkan oleh setiap kaum mempunyai asal-usul dan tujuan tersendiri.
3. Pelbagai langkah-langkah harus dijalankan untuk mempopularkan tarian tradisional tempatan.	3. Pelbagai langkah harus dijalankan untuk mempopularkan tarian tradisional tempatan.
4. Media elektronik disarankan agar menyiarkan tarian tradisional seperti makyung, gamelan, kipas, ngajat, dan lain-lain di dalam slot selingan.	4. Media elektronik disarankan agar menyiarkan tarian tradisional seperti makyung, gamelan, kipas, ngajat, dan lain-lain dalam slot selingan.

5. Selain daripada itu , mereka digalakkan untuk menubuhkan Kelab Tarian Mahasiswa bagi mempopularkan tarian tradisional pada peringkat negara dan luar negara.	5. Selain itu , mereka digalakkan untuk menubuhkan Kelab Tarian Mahasiswa bagi mempopularkan tarian tradisional pada peringkat negara dan luar negara.
6. Langkah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan memperkenalkan pelancongan berasaskan kepada seni dan budaya dalam program-program anjurannya berupaya untuk mempopularkan tarian-tarian tradisional kepada pelancong.	6. Langkah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan memperkenalkan pelancongan berasaskan seni dan budaya dalam program-program anjurannya berupaya untuk mempopularkan tarian-tarian tradisional kepada pelancong.

PBD Aspek Tatabahasa

mencuci; dipersiang; Lumur; Panaskan; goreng; mengisar; diarahkan; memasukkan; dijerang; dititik; memperlakan; menuang; mencurahkan; mengingatkan; mengacau; berketul; mendidih; memadamkan; dihidangkan

TEMA 10 Sains dan Teknologi Pemacu Kemodenan

PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur

1. amalan untuk meningkatkan mutu kesihatan
2. kemampuan melakukan aktiviti seharian tanpa berasa letih
3. makanan yang berkhasiat
4. makanan ringan
5. makanan yang dimakan bukan pada waktu makan utama
6. berlaku dengan sendirinya
7. besi yang berkualiti dan tahan hakisan
8. jumlah maksimum yang dapat ditampung
9. kualiti besar
10. butiran terperinci tentang sesuatu

PBD Kemahiran Menulis

Perkembangan sains dan teknologi telah banyak membawa kemajuan kepada sesebuah negara. Maka, tidak hairanlah apabila Malaysia berusaha untuk memajukan bidang sains dan teknologi di negara ini.

Antara kebaikan daripada penggunaan sains dan teknologi adalah dapat mempercepat pertumbuhan ekonomi negara. Pentadbiran yang cekap dapat memberikan keyakinan kepada para pelabur untuk menanam modal di negara ini. Oleh itu, Malaysia telah menjadi sebuah negara maju dalam sektor perindustrian berasaskan teknologi canggih dan melahirkan masyarakat yang berdaya cipta. Kemudahan ini dapat mengubah tahap ekonomi rakyat menjadi lebih baik.

Perkembangan sains dan teknologi juga dapat membentuk kerajaan elektronik. Langkah kerajaan Malaysia memperkenalkan kios elektronik di pejabat, bank, dan pusat beli-belah bagi mempercepat dan mempermudah urusan orang ramai dengan jabatan kerajaan seperti membayar cukai tanah, memperbaharui lesen memandu, dan membayar denda kesalahan trafik amat dipuji. Hal yang demikian sudah tentu dapat meningkatkan kualiti kehidupan rakyat Malaysia.

Melalui sains dan teknologi, pusat pengajian tinggi dapat mengadakan sistem pendidikan jarak jauh dengan menggunakan kemudahan telekomunikasi. Sesiapa sahaja yang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi boleh mengikuti kuliah menerusi komputer peribadi. Pada hari ini, UNITAR, UiTM, dan USM telah merealisasikan konsep pembelajaran baharu ini.

Kemajuan sains dan teknologi dalam bidang pengangkutan dapat menjimatkan masa dan tenaga para penumpang. Kereta api komuter yang menggunakan sistem ERL membawa penumpang lebih daripada 17 799 orang sehari dari Kuala Lumpur ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Kereta api komuter digambarkan “terapung” di atas landasan yang membolehkannya mencapai kelajuan lebih pantas apabila rodanya menyentuh landasan.

Kesimpulannya, sains dan teknologi membawa banyak kesan positif kepada kehidupan manusia. Oleh itu, marilah kita berganding bahu merancang pembangunan sains dan teknologi agar generasi akan datang tidak merana akibat penyalahgunaan sains dan teknologi yang sedia ada.

PBD Aspek Tatabahasa

keperluan; merapatkan; pemisahan; dibawa; lapisan; membuatkan; dimiliki; bersifat; Tinjauan; terkenal; merujuk; kemusykilan; pengajian; penerangan; mengesahkan; golongan; berasa; menghubungkan; pemudah; mempunyai; prabayar; membazirkan; bersempang; tertentu; rawatan; mengganggu; pengemudian

TEMA 11 Alam Anugerah Terindah

PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Maklumat tersurat	Maklumat tersirat
1. Kerajaan telah menggubal Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 untuk membendung aktiviti pemburuan haiwan	Hukuman undang-undang yang berat dan tegas patut dikenakan kepada pemburu haiwan.
2. Kerajaan mewartakan kaedah penanaman pokok-pokok semula di kawasan hutan yang telah ditebang kepada pihak yang terlibat dalam aktiviti penebangan pokok.	Masyarakat melaporkan kegiatan penebangan hutan secara haram kepada pihak berkuasa.
3. Kerajaan menguatkuasakan undang-undang untuk mengatasi masalah pencemaran dan melancarkan kempen melalui pelbagai media massa untuk menyedarkan masyarakat agar mencintai alam sekitar, seperti Kempen Cintailah Sungai Kita.	Pelbagai pihak bekerjasama untuk membersihkan sungai melalui pelbagai aktiviti.
4. Kerajaan memperuntukkan 50 peratus daripada keluasan hutan sebagai kawasan hutan simpan supaya dapat menjadi tempat pemeliharaan dan pemuliharaan haiwan yang semakin pupus.	Aktiviti penerokaan hutan dijalankan dengan menggunakan cara yang sistematik dan berjadual.

PBD Kemahiran Membaca

Pemanasan global merupakan masalah antarabangsa yang dihadapi oleh manusia dan hidupan lain di muka bumi ini. Pemanasan global berlaku adalah disebabkan oleh penipisan lapisan ozon hasil daripada pembebasan gas klorofluorokarbon, gas metana, dan gas karbon monoksida yang dikeluarkan oleh kenderaan dan kilang perindustrian. Fenomena ini mendatangkan ketidakselesaan kepada penghuni bumi. Pemanasan global juga menyebabkan pencairan bongkah ais di Kutub Utara dan Kutub Selatan. Keadaan yang berlaku ini menyebabkan peningkatan aras laut. Kawasan yang rendah diancam oleh banjir kilat, malahan berhadapan dengan risiko tenggelam. Bongkah ais yang hanyut ke laut mengundang bahaya kepada mereka yang berada di dalam kapal dagang dan kapal persiaran. Seterusnya, pemanasan global memudaratkan kesihatan manusia. Sinar lembayung daripada matahari mendedahkan manusia kepada risiko penyakit seperti kanser kulit, katarak, dan hidrasi. Pemanasan global juga menyebabkan bumi senang diancam oleh fenomena alam, seperti kebakaran hutan, kemarau panjang, dan banjir kilat. Fenomena alam yang berlaku itu menyebabkan banyak kematian dan kemusnahan harta benda.

PBD Kemahiran Menulis

Pendahuluan jenis definisi

Alam sekitar ialah segala benda hidup dan bukan hidup yang wujud secara semula jadi di permukaan bumi atau sebahagian daripadanya. Alam sekitar juga boleh dipanggil flora dan fauna. Alam sekitar kini semakin tercemar. Oleh itu, masyarakat haruslah memainkan peranan untuk menyelamatkan alam sekitar.

Pendahuluan jenis pendapat

Menurut mantan Perdana Menteri kita, Tun Dr. Mahathir Mohamad, pencemaran alam sekitar berpunca daripada kegiatan pembangunan. Namun begitu, pembangunan tidak boleh dihentikan sama sekali, sebaliknya kita boleh meneruskan pembangunan tetapi pada masa yang sama, mengurangkan pencemaran. Dalam hal ini, masyarakat boleh turut sama memainkan peranan untuk menyelamatkan alam sekitar.

Pendahuluan jenis suasana

Kereta yang dipandu oleh ayah menyusuri jalan raya dengan perlahan sekali. Rasa mengantuk dan letih yang saya alami hilang apabila tiba di kawasan Air Terjun Pelangi. Sungai Lembing. Gegandang telinga saya mendengar bunyi air terjun sayup-sayup dari jauh. Alangkah indah dan damainya suasana alam sekitar di sini.

Pendahuluan jenis persoalan

Setiap orang terpesona apabila menyaksikan panorama alam yang indah, bersih, dan mendamaikan. Apakah yang dikatakan alam sekitar yang indah, bersih, dan mendamaikan itu? Apakah faktor-faktor yang menjadikan alam sekitar berkeadaan sedemikian? Siapakah yang bertanggungjawab untuk menjaga dan memulihara alam sekitar?

PBD Aspek Tatabahasa

- (1) pertumbuhan ekonomi
- (2) acara tahunan
- (3) membangkitkan kesedaran
- (4) akan meningkat
- (5) daripada ladang ternakan
- (6) amat sukar dilaksanakan
- (7) memberi peluang
- (8) menyingsing lengan

PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Ayat	Maksud ayat
1. Dengan melakukan aktiviti-aktiviti berasaskan pertanian, seseorang itu mampu menjana pendapatan yang lebih besar dan bukan sekadar untuk keperluan diri sahaja.	Bidang pertanian sesuai dijalankan oleh semua lapisan umur.
2. Pertanian juga bukan hanya untuk petani-petani yang sudah lanjut usianya.	Bidang pertanian dapat meningkatkan taraf hidup seseorang.

PBD Kemahiran Membaca

Banyak produk makanan terbaharu berasaskan tanaman dan bahan setempat dipasarkan di negara kita. Antaranya termasuklah keropok lekor cendawan. Produk ini mengandungi beberapa ciri istimewa yang diyakini dapat menambat selera masyarakat. Ciri keropok lekor cendawan yang pertama adalah lembut. Hal ini menyebabkan keropok ini tidak mudah terlerai. Selain itu, keropok lekor cendawan mengandungi serat yang dapat membantu penghadaman seseorang. Pengambilan serat dalam makanan akan mengurangkan risiko kesihatan, seperti gastrik, obesiti, dan sebagainya. Bagi penggemar makanan ringan, keropok lekor cendawan juga tidak mengandungi kandungan lemak dan kolesterol yang tinggi. Hal ini baik untuk kesihatan. Keropok lekor cendawan mempunyai jangka hayat selama satu tahun sekiranya disimpan dalam suhu 20 darjah selsius.

PBD Aspek Tatabahasa

Rajan memuji Suhairi yang rajin berkebun. Setelah itu, dia bertanya aktiviti yang sedang dilakukan oleh Suhairi pada masa itu. Suhairi menjelaskan kepada Rajan bahawa dia sedang membaja anak-anak pokok bunga dan pokok rambutan. Rajan memuji Suhairi lagi kerana pokok itu bukan sahaja subur-subur, malahan Suhairi pandai menjaga tanaman tersebut. Suhairi memberitahu Rajan bahawa dia mendapat tunjuk ajar daripada ayahnya untuk menjaga tanaman dengan baik dan ayahnya memang suka berkebun sejak remaja kerana hobi berkebun banyak memberikan faedah. Suhairi menjelaskan bahawa antara faedah berkebun ialah badan kita dapat mengeluarkan peluh apabila kita melakukan kerja-kerja mencangkul tanah untuk menanam pokok, membubuh baja, membersihkan kawasan kebun, dan sebagainya. Rajan menjawab bahawa badan ayah Suhairi sihat dan cergas sahaja, berpadananlah dengan hobinya itu. Seterusnya, Rajan bertanya faedah lain yang diperoleh oleh Suhairi dengan berkebun. Suhairi menjawab bahawa dia dapat menikmati hasil tanaman di kebun itu. Dia juga berasa bangga kerana dapat mengisi masa lapangnya dengan melakukan aktiviti yang bermanfaat. Setelah mendengar kata-kata Suhairi itu, Rajan menyatakan bahawa Suhairi juga dapat berjimat cermat kerana tidak perlu membeli buah rambutan dan buah-buahan lain. Suhairi bersetuju dengan kata-kata Rajan. Suhairi memberitahu Rajan bahawa berkebun juga dapat memupuk perasaan cinta akan alam sekitar. Rajan ingin berkebun juga setelah mendengar kata-kata Suhairi itu lalu meminta diri daripada Suhairi kerana hendak mengajak emaknya membeli benih pokok. Dia berharap akan berjumpa lagi dengan Suhairi.

PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- Kerajaan telah membangunkan sistem pendaftaran francais dalam talian. Insentif cukai juga diberikan kepada francais. Akhir sekali, francais mikro diperkenalkan di bawah program Francais Komuniti.
- Antaranya ialah kurangnya kefahaman terhadap sistem perniagaan francais, potensi, dan manfaat perniagaan ini dalam kalangan orang awam dan usahawan termasuk usahawan francais. Selain itu, penggiat francais tempatan didapati kurang mantap dalam pengurusan. Mereka juga menghadapi masalah modal, kemahiran, dan pengetahuan.

PBD Kemahiran Membaca

Kawasan luar bandar sentiasa menerima kemajuan daripada kerajaan. Keadaan ini patut diambil peluang oleh penduduk desa untuk melibatkan diri dalam industri desa. Usahawan desa digalakkan agar mempelajari dan menambah ilmu dalam bidang perniagaan, termasuk nilai-nilai murni. Pada masa yang sama, mereka perlu menggunakan peralatan dan teknologi moden dalam perniagaan mereka selain mempromosikan produk mereka di pasar-pasar raya utama. Usahawan desa juga haruslah saling bekerjasama bagi mewujudkan rangkaian pemasaran tempatan dan antarabangsa.

PBD Kemahiran Menulis

Malaysia kini menuju era perindustrian. Banyak kilang dibina di seluruh pelosok negara, bak cendawan tumbuh selepas hujan. Oleh itu, masyarakat amat digalakkan untuk membeli barangan buatan Malaysia.

Penganjuran Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia sejak tahun 1985 dapat melonjakkan pasaran barangan tempatan. Sokongan masyarakat terhadap kempen ini dapat membantu usahawan tempatan untuk membangunkan sektor perindustrian dalam negara. Misalnya, pembelian pakaian dan tekstil, makanan sejuk beku, dan automobil buatan tempatan. Oleh itu, kempen ini haruslah dilaksanakan secara berterusan.

Selain itu, barangan buatan Malaysia dijual dengan harga yang murah. Hal ini demikian kerana kebanyakan bahan mentah yang digunakan untuk menghasilkan produk itu merupakan bahan mentah tempatan. Tambahan lagi, tiada cukai import dikenakan kepada usahawan tempatan. Dari sisi lain, pengguna dapat menjimatkan perbelanjaan. Oleh itu, dengan membeli barangan buatan tempatan, kita dapat menjimatkan perbelanjaan untuk membeli barangan lain.

Barangan buatan tempatan juga berkualiti tinggi dan setanding mutu barangan import. Sebagai contoh, barangan daripada kulit seperti kasut, beg, dan dompet buatan negara kita tidak alah dengan barangan luar negara. Barangan ini menjadi buah tangan pelancong yang datang ke negara kita. Dengan demikian, imej negara kita dapat ditingkatkan.

Kesimpulannya, industri barangan tempatan memberikan banyak kebaikan kepada pelbagai pihak. Kita perlu bekerjasama untuk memajukan industri barangan tempatan agar Malaysia duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju.

PBD Aspek Tata Bahasa

Kesalahan kata tugas	Pembetulan
1. supaya	untuk
2. bukan	tidak
3. di dalam	dalam
4. di	pada
5. pada	kepada
6. teramat	amat
7. pula	juga
8. sejak	dengan
9. di antara	antara
10. atau	dan

TEMA 14 Ekonomi Mapan, Negara Makmur

PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Selamat pagi, Cikgu Fadilah dan rakan-rakan sekalian. Saya bersetuju dengan saranan agar Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah-sekolah di bandar mengumpulkan dana sendiri. Hal ini dapat menambahkan sumber kewangan mereka bagi menjayakan pelbagai aktiviti di luar dan di dalam sekolah untuk kemajuan dan pembangunan sekolah masing-masing. Selain itu, inisiatif pihak PIBG dalam mencari dana sendiri membolehkan kerajaan memfokuskan peruntukan kepada sekolah yang lebih memerlukan peruntukan kewangan, terutama sekolah-sekolah di luar bandar. Pada pendapat saya, aktiviti-aktiviti lain yang dapat dilakukan oleh pihak sekolah untuk mengumpulkan dana ialah penubuhan alumni, konsert amal, festival makanan dan permainan tradisional, dan sebagainya.

PBD Kemahiran Membaca

1. Sesetengah peniaga menaikkan dan memanipulasikan harga barangan.
2. Pengguna harus merancang pembelian barangan.
3. Pengguna haruslah membeli barang mengikut keperluan dan merancang masa, tempat, dan kuantiti barang yang hendak dibeli.
4. Pengguna hendaklah memulaukan peniaga yang memanipulasikan harga barang.
5. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna hendaklah mengadakan pemantauan yang kerap dan mengambil tindakan yang sewajarnya kepada peniaga yang menaikkan harga barang.
6. Media massa menyiarkan kegiatan peniaga yang tidak beretika dan aduan pengguna.

PBD Kemahiran Menulis

Amalan menabung wang ialah amalan yang mulia dan amat digalakkan. Pelbagai faedah diperoleh daripada amalan menyimpan wang di bank.

Pertama, wang yang disimpan di bank dapat digunakan pada masa hadapan, terutama sewaktu menghadapi kecemasan atau tragedi yang tidak dijangka. Antara kegunaannya adalah ketika kehilangan harta benda atau menghadapi kecederaan akibat ditimpa kemalangan, kebakaran, banjir, dan sebagainya.

Kedua, kita dapat mengelakkan sikap suka berhutang apabila menghadapi masalah kewangan sekiranya kita mempunyai simpanan wang di bank. Wang ini dapat kita gunakan untuk menyambung pelajaran pada masa akan datang. Secara tidak langsung, kita dapat mengelak daripada berhutang kepada pihak tertentu untuk membiayai pengajian kita.

Seterusnya, amalan menyimpan wang di bank memupuk nilai murni berjimat cermat dalam diri kita. Kita tidak mudah mengeluarkan wang untuk perkara yang membazir dan tidak perlu, sebaliknya merancang perbelanjaan harian kita agar wang kita dapat disimpan.

Kesimpulannya, amalan menabung wang di bank perlu dipupuk sejak kecil supaya menjadi budaya hidup kita. Tabungan kita semakin banyak sekiranya kita menyimpan wang setiap bulan di bank, bak kata pepatah, berdikit-dikit, lama-lama menjadi bukit.

TEMA 15 Destinasi Misteri

PBD Kemahiran Menulis

Perenggan 1:

Kawasan pantai yang menarik dengan dihiasi pasir yang putih bersih dan diiringi angin yang bertiup nyaman menjadi tarikan para pelancong. Kedudukan Malaysia sebagai sebuah semenanjung yang menganjur dari tanah besar Asia serta dikelilingi oleh Laut China Selatan dan Selat Melaka memberikan keistimewaan yang tersendiri. Setiap persisiran pantai itu terdapat pantai-pantai yang sesuai untuk dikunjungi dan beriadah, seperti Pantai Merdeka di Kedah, Batu Feringghi di Pulau Pinang, Desaru di Johor, Pantai Cahaya Bulan di Kelantan, dan lain-lain. Pantai-pantai ini telah menjadi daya penarik kepada pelancong domestik dan luar negara.

Perenggan 2:

Di samping itu, Malaysia dikurniakan alam semula jadi yang indah kerana negara ini antara negara yang mempunyai hutan malar hijau tertua di dunia. Hutan malar hijau ini mempunyai beberapa keunikan, seperti air terjun yang indah dan nyaman. Usaha pihak kerajaan dan swasta untuk menjadikan kawasan ini sebagai hutan lipur telah menarik ramai pelancong untuk berkunjung pada hari minggu dan cuti umum. Antara hutan lipur yang terkenal ialah Lata Bukit Hijau di Kedah, Lata Kijang di Perak, Titi Kerawang di Pulau Pinang, dan sebagainya.

Perenggan 3:

Bagi pelancong yang telah berkeluarga, taman-taman tema tentu menjadi pilihan hati untuk beriadah bersama keluarga. Kewujudan taman-taman tema yang bak cendawan tumbuh selepas hujan ini menjadi tarikan yang menyeronokkan untuk bersuka ria bersama-sama keluarga dan anak-anak. Sunway Lagoon di Selangor, Taman Tema A' Famosa di Melaka, dan Legoland Malaysia di Johor antara teman tema mesra keluarga yang popular. Tegasnya, percutian di taman tema merapatkan hubungan kekeluargaan para pelancong.

Perenggan 4:

Akhir sekali, pelancongan ke tanah tinggi merupakan suatu bentuk pelancongan yang semakin mendapat perhatian pelancong domestik dan antarabangsa di Malaysia. Kebanyakan zon tanah tinggi ini kaya dengan pelbagai spesies flora dan fauna serta dilengkapi kemudahan seperti kereta kabel, pusat beli-belah, taman tema, dan lain-lain lagi. Kedatangan ribuan pelancong ke Cameron Highlands, Genting Highlands, Taman Negara Mulu, dan sebagainya memberikan pendapatan yang tinggi kepada industri pelancongan negara.

PBD Kemahiran Membaca

1. imej / gambaran kemegahan
2. seseorang yang dilahirkan dan lazimnya dibesarkan di sesuatu tempat
3. membina kemampuan atau kebolehan untuk berkembang maju
4. nama baik
5. orang yang terkemuka dalam lapangan sukan dan sebagainya
6. contoh keteguhan
7. orang yang sangat diminati
8. menyebabkan mendapat nama baik atau kemasyhuran

PBD Kemahiran Menulis

Perenggan penutup:

Kesimpulannya, saya perlu membuat pelbagai persediaan sebagai prasyarat untuk mencapai cita-cita saya. Oleh hal yang demikian, saya akan sentiasa menitikberatkan kemajuan diri dalam aspek jasmani, rohani, emosi, dan sosial. Semoga impian saya terlaksana kerana tiada kejayaan tanpa usaha dan kesungguhan, bak kata pepatah, yang bulat tidak datang menggolek, yang pipih tidak datang melayang dan kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya. Sesungguhnya, usaha tangga kejayaan.

PBD Aspek Tatabahasa

berbagai; universiti-universiti; Selain daripada itu; di dalam; yang; oleh kerana; pada; ialah; bertanggungjawab; mana

1. berbagai-bagai / pelbagai
2. universiti
3. Selain itu
4. dalam
5. bahawa
6. kerana
7. kepada
8. adalah
9. bertanggungjawab
10. mana-mana

POWER PT3

SISTEM BAHASA

Praktis 1 Kata Nama Am dan Kata Nama Khas

Bahagian A: Soalan Objektif

1. B 2. C 3. A 4. B 5. A

Bahagian B: Soalan Subjektif

1. Hotel Singgahsana
2. kerugian
3. muatan

Praktis 2 Kata Ganti Nama Diri

Bahagian A: Soalan Objektif

1. D 2. B 3. C 4. D 5. D

Bahagian B: Soalan Subjektif

1. Baginda
2. anda
3. mereka

Praktis 3 Kata Kerja

Bahagian A: Soalan Objektif

1. B 2. A 3. B 4. C 5. C

Bahagian B: Soalan Subjektif

1. mendekati
2. mengendahkan
3. berpandukan

Praktis 4 Kata Adjektif

Bahagian A: Soalan Objektif

1. B 2. A 3. D 4. C 5. B

Bahagian B: Soalan Subjektif

1. kuat
2. cerdas
3. megah

Praktis 5 Kata Hubung

Bahagian A: Soalan Objektif

1. B 2. A 3. C 4. D 5. A

Bahagian B: Soalan Subjektif

1. atau
2. tetapi
3. sungguhpun / walaupun / meskipun / biarpun

Praktis 6 Kata Seru / Kata Tanya / Kata Perintah

Bahagian A: Soalan Objektif

1. B 2. D 3. D 4. A 5. C

Bahagian B: Soalan Subjektif

1. Harap
2. mengapa
3. Wah

Praktis 7 Kata Bantu

Bahagian A: Soalan Objektif

1. C 2. A 3. D

Bahagian B: Soalan Subjektif

1. sedang
2. pernah
3. boleh

Praktis 8 Kata Sendi Nama

Bahagian A: Soalan Objektif

1. B 2. A 3. C 4. B 5. C

Bahagian B: Soalan Subjektif

1. daripada
2. ke
3. berasaskan

Praktis 9 Kata Bilangan

Bahagian A: Soalan Objektif

1. C 2. A 3. B 4. D

Bahagian B: Soalan Subjektif

1. setengah
2. bertahun-tahun
3. Beberapa

Praktis 10 Kata Majmuk

Bahagian A: Soalan Objektif

1. B 2. D 3. A 4. B 5. B

Bahagian B: Soalan Subjektif

1. daya usaha
2. mencampur aduk
3. mengemas kini

Praktis 11 Frasa

Bahagian A: Soalan Objektif

1. C 2. B 3. B 4. A 5. C

Bahagian B: Soalan Subjektif

1. Frasa Nama
2. Frasa Sendi Nama
3. Frasa Kerja
4. Frasa Adjektif

Praktis 12 Jenis-jenis Ayat

Bahagian A: Soalan Objektif

1. A 2. D

Bahagian B: Soalan Subjektif

1. Ayat seruan
2. Ayat tanya
3. Ayat perintah
4. Ayat penyata
5. Ayat tanya
6. Ayat perintah

Praktis 13 Ragam Ayat

Bahagian A: Soalan Objektif

1. C 2. B

Bahagian B: Soalan Subjektif

1. Latihan kawad yang akan diadakan pada setiap petang diketuai oleh Daniel.
2. Derma kepada mangsa-mangsa tanah runtuh di kawasan itu akan disumbangkan oleh pihak kerajaan.
3. Kak Sidah sudah kamu telefon untuk memaklumkan berita itu?
4. Semua dugaan ini akan aku hadapi dengan hati yang sabar.
5. Pelbagai maklumat tentang syarikat tersebut dibacanya sebagai persediaan sebelum menghadiri temu duga.
6. Tugas tersebut berjaya disiapkan oleh Reezma dalam masa yang singkat.

Praktis 14 Ayat Tanya

Bahagian B: Soalan Subjektif

1. Di manakah kamu letakkan kotak yang bereben biru itu?

2. Siapakah nama penulis baharu yang memenangi hadiah novelis terbaik itu?
3. Mengapakah mereka dihantar ke Jerman oleh majikan?
4. Bagaimanakah kecederaan yang dialami oleh Encik Sufian sekarang?
5. Apakah yang dihantar oleh Bee Choo kepada datuk dan neneknya?
6. Berapakah jumlah murid Tingkatan 3 Bestari?

Praktis 15 Ayat Susunan Biasa dan Ayat Susunan Sungsang

Bahagian B: Soalan Subjektif

1. Sudah diselesaikan oleh pekerja-pekerja itu kerja pengubahsuaian bilik utama.
2. Tatkala mendengar cerita sedih Seroja semasa zaman kanak-kanak air mata Cempaka berlinangan.
3. Bagi mengelakkan salah faham Ketua Kampung Seri Wangi menasihati penduduk agar tidak mempercayai khabar angin.
4. Keprihatinan jiran-jiran terhadap kesusahan mereka Encik Rajan dan isterinya berasa terharu.
5. "Ke Pulau Langkawi awak belum pernah?" Basir bertanya kepada Suzana.
6. Terletak di simpang jalan dan berhampiran dengan perhentian bas gerai Mek Kalsom.

Praktis 16 Ayat Tunggal dan Ayat Majmuk

Bahagian A: Soalan Objektif

1. C 2. A

Bahagian B: Soalan Subjektif

1. Penduduk kampung yang terjejas oleh kejadian banjir dipindahkan ke pusat pemindahan sementara.
2. Pasukan ragbi negara menang dalam perlawanan separuh akhir kerana pemain-pemain lawan tidak beraksi dengan baik.
3. Encik Azli telah bekerja di syarikat itu selama lapan tahun sebagai pereka bentuk multimedia.
4. Tiket untuk menyaksikan perlawanan hoki itu boleh anda beli secara dalam talian atau di kaunter tiket.

Praktis 17 Cakap Ajuk dan Cakap Pindah

Bahagian A: Soalan Objektif

1. B 2. C

Bahagian B: Soalan Subjektif

1. Sultan Ahmad memerintahkan Laksamana menyiapkan persalinan baginda.
2. Sambil tersenyum kepada kakak, nenek mengajak kakak mempelajari cara memasak kari daging daripadanya.
3. Hisham mendepangkan kedua-dua tangannya seraya memuji keindahan pemandangan dari puncak gunung itu.
4. Ustaz Hanafi menegur anak-anak muridnya agar tidak melambatkan solat kerana solat pada awal waktu besar ganjarannya.

Praktis 18 Peribahasa

Bahagian A: Soalan Objektif

1. C 2. D 3. A 4. D

Bahagian B: Soalan Subjektif

1. (i) Bagai gembala diberi keris
(ii) Belum duduk sudah berlunjur

- (iii) Ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni
2. (i) Bagaimana acuan begitulah kuihnya / Bapa borek anak rintik
(ii) Melentur buluh biarlah daripada rebungunya / Alah bisa tegal biasa
(iii) Jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya
3. (i) Aki Leman seperti harimau menyembunyikan kuku kerana banyak orang tidak mengetahui kelebihanannya dalam ilmu persilatan.
(ii) Kita haruslah bergurukan orang yang mahir dalam sesuatu bidang yang ingin kita pelajari, seperti kata orang, hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai.
(iii) Nasib Puan Suraya seperti melepaskan anjing tersepit kerana kebbaikannya terhadap gadis itu dibalas dengan fitnah yang menjejaskan nama baik Puan Suraya sendiri.
4. (i) Biar mati anak, jangan mati adat
(ii) Kura-kura di dalam perahu, pura-pura tidak tahu
(iii) Kalah jadi abu, menang jadi arang
5. (i) kalau tidak kerana angin, tidak akan pokok bergoyang.
(ii) ular menyusur akar tidak akan hilang bisanya.
(iii) sebab nila setitik, habis rosak susu sebelanga / seekor kerbau membawa lumpur, habis semuanya terpalit.
6. (i) Sekilas ikan di air, sudah tahu jantan betina
(ii) Bagai kera mendapat bunga
(iii) Gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati di tengah-tengah
7. (i) Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya
(ii) Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian
8. (i) kerbau dicucuk hidung
(ii) harapkan pegar, pegar makan padi

PEMAHAMAN

PEMAHAMAN TEKS

Praktis 1 Prosa Tradisional – Bahagia Sesudah Derita

1. B 2. A 3. D 4. C 5. B

Praktis 2 Cerpen – Legasi Tapai Ubi

1. C 2. B 3. A 4. C 5. A

Praktis 3 Sekeping Tanah

1. B 2. B 3. A 4. D 5. A

Praktis 4 Cerpen – Bawod

1. B 2. C 3. A 4. D 5. D

Praktis 5 Drama – Tenang-tenang Air di Tasik

1. B 2. D 3. C 4. B 5. A

Praktis 6 Syair – Syair Burung Nuri

1. B 2. B 3. C 4. A 5. A

Praktis 7 Seloka – Santap Istiadat

1. C 2. C 3. A 4. B 5. C

Praktis 8 Sajak – Kijang yang Lelah

1. A 2. D 3. D 4. C 5. D

Praktis 9 Sajak – Pesan Ibu Beribu-ribu

1. D 2. D 3. A 4. B 5. C

Praktis 10 Sajak – Senja di Palang Besi

1. B 2. A 3. B 4. C 5. D

Praktis 11 Sajak – Bintang

1. D 2. B 3. B 4. C 5. A

PEMAHAMAN PETIKAN

Praktis 1

- kurang kesedaran dalam aspek pengambilan makanan yang sihat
– kurang mengambil makanan seimbang
– gemar mengambil makanan segera secara berlebihan
- nilai kebersihan fizikal dan mental, contohnya menjaga kesihatan diri
– nilai rasional, contohnya masyarakat dapat mengelak daripada menghidap pelbagai jenis penyakit dengan menitikberatkan hal penjagaan kesihatan
- melakukan aktiviti fizikal atau bersenam sekurang-kurangnya 30 minit setiap hari untuk mengeluarkan bahan toksin daripada tubuh melalui peluh
– setiap orang harus mendapatkan tidur dan rehat yang cukup agar tubuh badan cergas dan dapat berfungsi dengan baik

Praktis 2

- menganjurkan program Bulan Bahasa Kebangsaan
– memupuk rasa cinta akan bahasa Melayu dalam diri anak sejak kecil
– melancarkan kempen yang berterusan
- untuk memperkukuh dan mempamerkan jati diri rakyat Malaysia
– untuk memperkuat rasa bangga dalam kalangan rakyat terhadap bahasa kebangsaan yang dapat memperkukuh perpaduan
- kurang atau tiada rasa cinta akan bahasa kebangsaan dalam kalangan masyarakat
– berlaku pencemaran bahasa Melayu dalam kalangan penggunaannya
– menyebabkan kekeliruan bahasa dalam kalangan generasi akan datang

Praktis 3

- belia yang masih muda
– bertekad dan bersemangat untuk mengusahakan tanaman sehingga mengeluarkan hasil
- nilai keberanian, Alif dan Laiman berani menghadapi pelbagai cabaran untuk mencapai kejayaan dalam kerjaya
– nilai berdikari, Alif dan Laiman gigih berusaha untuk mencapai kejayaan dalam pekerjaan mereka

- pihak kerajaan dan swasta menganjurkan kursus-kursus pertanian moden untuk mereka
- agensi yang berkenaan merancang program pemasaran yang lebih intensif agar golongan muda mampu mengeksport hasil tanaman mereka

Praktis 4

- keindahan hutan menarik pelancong yang ingin menikmati suasana alam semula jadi yang bersih dan nyaman datang ke negara kita
- beberapa jenis tumbuhan hutan dapat merawat penyakit yang tidak dapat disembuhkan dengan perubatan moden
- untuk meningkatkan tahap kesedaran masyarakat terhadap isu alam sekitar
- untuk meingkatkan tindakan dan penglibatan masyarakat terhadap perubahan alam sekitar
- mewartakan lebih banyak kawasan hutan sebagai taman negara dan hutan simpan kekal
- menggalakkan penanaman hutan semula

Praktis 5

- menghormati orang lain
- saling memuliakan
- menggunakan bahasa yang lemah lembut apabila bertutur
- nilai hormat-menghormati, contohnya menghormati tuan rumah dan tetamu dalam sesuatu majlis
- nilai berhemah tinggi, contohnya makan dan minum dengan tertib dan sopan
- anggota masyarakat dapat menjalinkan hubungan yang harmoni
- menimbulkan suasana yang aman damai
- dapat memupuk semangat saling menghormati
- mewujudkan semangat perpaduan dan menunjukkan imej baik kepada masyarakat luar

NOVEL

Praktis 1

Novel Justeru Impian di Jaring

- Syahir rajin menjalani latihan badminton kerana ingin mewakili negara dalam Kejohanan Badminton Antarabangsa di Jakarta
- Syahir berlatih dengan bersungguh-sungguh agar berjaya dalam pertandingan Terbuka Johor – meskipun gagal merebut kejuaraan, dia tetap berlatih seperti biasa kerana mahu mengekalkan staminanya untuk menghadapi kejohanan seterusnya
- Syahir rajin membaca, termasuk ketika makan

Novel Tawanan Komander Caucasus

- Cikgu Salimah dan murid-murid Tingkatan Satu Arif bekerjasama untuk mencari Farhani yang hilang secara misteri di dusun datuk Farhani
- rakan-rakan Farhani, iaitu Haikal, Devnath, dan Wei bekerjasama untuk mencari Farhani semula di dusun datuk Farhani
- Farhani, Dara Merah, Kim Yong, dan kunang-kunang bekerjasama untuk membebaskan Puteri Coleoptera, Haikal, Devnath, dan Wei daripada tawanan Komander Caucasus

Novel Chot

- Alias bersikap dan berfikir rasional sebagai anak – bertanggungjawab untuk mencari rezeki dengan mengambil upah memetik kelapa dengan bantuan Chot untuk menyara hidupnya dan ibunya yang lumpuh
- Mak Su Kiah, jiran Alias yang bersikap dan berfikir rasional – menyedari kemiskinan Alias dan ibunya – oleh itu, Mak Su Kiah sering menghantar makanan untuk Alias dan ibunya – dia juga

selalu menjenguk ibu Alias yang lumpuh semasa ketiadaan Alias di rumah

- Cikgu Sunan bersikap dan berfikir rasional – beliau pergi ke rumah Alias untuk mengetahui sebab Alias tidak ke sekolah kerana peperiksaan akan menjelang tidak lama lagi – Cikgu Sunan juga berjanji untuk membiayai persekolahan Alias selepas mengetahui kemiskinan Alias

Novel Hempasan Ombak

- Zuraida berniaga kecil-kecilan di bazar MARA untuk menyara kehidupan keluarganya
- Farid berusaha untuk membangunkan Syarikat Batik Nusantara, iaitu syarikat peninggalan ayahnya semula walaupun usianya masih muda, iaitu 19 tahun dan tidak mempunyai pengalaman serta pengetahuan dalam bidang perniagaan
- Mokhssein menubuhkan Syarikat Nadi Zaman untuk menjadi peniaga setelah beberapa tahun menimba pengalaman di Syarikat Batik Nusantara

Praktis 2

Novel Justeru Impian di Jaring

Watak utama – Syahir

- tabah menghadapi pelbagai cabaran untuk memenuhi impiannya – contohnya, Syahir tabah ketika berhadapan dengan cabaran seperti sikap pilih kasih pihak PBSM semasa Kejohanan Terbuka Johor, cemuhan Engku Aiman, dan sindiran Syed Amiri
- penyayang – contohnya, Syahir serba salah hendak ke Jakarta kerana terpaksa meninggalkan emaknya yang terkena strok
- taat akan ibu bapa – contohnya, Syahir sentiasa memakai seluar panjang sewaktu berlatih dan bertanding dalam kejohanan badminton kerana ingat akan pesanan arwah ayahnya supaya menjaga syariat agama dalam bersukan

Novel Tawanan Komander Caucasus

Watak utama – Farhani

- cekal dan tabah – contohnya, Farhani begitu cekal menempuh semua dugaan yang dilaluinya semasa dia menjadi tawanan Komander Caucasus
- bijak dalam mengatur rancangan – contohnya, Farhani menyusun strategi bagi menumpaskan Komander Caucasus dengan menggunakan cecair *endosulfan* serta membebaskan Puteri Coleoptera, Haikal, Devnath, dan Wei yang ditawan oleh Komander Caucasus
- berani – contohnya, Farhani berani masuk ke dalam rumah usang seorang diri walaupun menyedari tindakannya itu berbahaya dan mungkin mengancam keselamatan nyawanya

Novel Chot

Watak utama – Alias

- bertanggungjawab terhadap keluarga – Alias mencari rezeki dengan mengambil upah memetik kelapa bersama-sama Chot bagi menyara kehidupannya dan ibunya yang lumpuh
- penyayang – Alias amat menyayangi ibunya – Alias sangat menyayangi Chot, buruk peliharaannya sehingga sanggup lewat ke sekolah semata-mata mencari Chot yang hilang pada pagi itu
- bijak dalam pelajaran – contohnya, Alias bijak dalam subjek Matematik sehingga Som, iaitu rakan sekelasnya sering belajar serta meminta tunjuk ajar daripada Alias dalam subjek tersebut

Novel Hempasan Ombak

Watak utama – Farid

- penyayang – Farid amat menyayangi keluarganya – contohnya, Farid sanggup membangunkan syarikat peninggalan arwah ayahnya bersendirian meskipun tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman kerana tidak mahu menyusahkan atau membebaskan ibu dan adik-beradiknya

- bertanggungjawab – contohnya, Farid menjalankan amanah keluarganya untuk menguruskan syarikat peninggalan ayahnya dengan penuh bertanggungjawab
- bersikap rasional dalam setiap tindakan – contohnya, Farid menyerahkan tanggungjawab untuk memadamkan kebakaran di bengkel batik modennya kepada bomba dan kakitangan Tenaga Nasional Berhad yang memutuskan bekalan elektrik bagi mengelakkan api merebak

Praktis 3

Novel Justeru Impian di Jaring

- teknik monolog – contohnya, Syahir bermonolog semasa mempertikaikan kemenangan Syed Amiri dalam Kejohanan Terbuka Johor – pada anggapannya, pengadil perlawanan tersebut tidak adil dan bersekongkol dengan Engku Aiman untuk memberikan kemenangan kepada Syed Amiri
- teknik imbas muka – contohnya, Syahir berasa serba salah untuk meneruskan impiannya bagi mewakili negara dalam Kejohanan Badminton Antarabangsa di Jakarta setelah mendapat berita bahawa emaknya dimasukkan ke hospital akibat diserang strok – dia membayangkan situasi yang bakal berlaku sekiranya emaknya meninggal dunia semasa dia berada di Jakarta
- teknik saspem – contohnya, pembaca bertanya-tanya tentang pihak yang memenangi perlawanan badminton antara Syahir dengan Syed Amiri dalam Kejohanan Terbuka Johor – hal ini demikian kerana, perlawanan antara mereka berdua agak sengit, lebih-lebih lagi pengadil bersikap tidak adil kepada Syahir

Novel Tawanan Komander Caucasus

- teknik dialog – contohnya, perbualan antara Puan Asmah, iaitu ibu Farhani dengan Mira dan Chea Mei ketika mereka pergi ke rumah Farhani – Mira menyatakan tujuan mereka datang untuk berjumpa dengan Farhani tetapi terkejut apabila Puan Asmah memaklumkan Farhani telah pergi ke dusun datuknya
- teknik saspem – contohnya, pembaca bertanya-tanya tentang tahap keselamatan dan kejadian yang akan menimpa Farhani semasa dia masuk ke dalam rumah yang usang di dusun datuknya secara berseorangan pada pertama kali
- teknik imbas muka – contohnya, Farhani membayangkan Komander Caucasus akan merata-rata dagingnya dan Kim Yong sekiranya misi yang diketuai oleh Bara gagal dan dia dapat ditawan semula oleh Komander Caucasus

Novel Chot

- teknik pemerian – contohnya, pengarang memerihalkan keadaan Alias yang bersiap-siap hendak pergi ke sekolah dan tindakan serta aksinya ketika mencari Chot yang hilang sehingga dia lewat ke sekolah
- teknik monolog dalaman – contohnya, Alias bercakap dalam hatinya tentang keadaannya yang tidak dapat mengambil upah memetik kelapa sekiranya Chot hilang
- teknik kejutan – contohnya, Cikgu Sunan berasa marah terhadap murid-muridnya kerana tidak dapat menjawab soalan Matematik dan pembaca tidak menyangka bahawa Cikgu Sunan akan membandingkan murid-murid yang lain dengan Alias yang bijak dalam Matematik

Novel Hempasan Ombak

- teknik dialog – contohnya, perbualan antara Farid dengan Pak Nik yang merupakan pekerja syarikat ayahnya tentang keadaan syarikat tersebut ketika itu – menurut Pak Nik, keluaran batik kurang laku – Pak Nik turut memaklumkan kedudukan kewangan syarikat pada masa itu
- teknik monolog – contohnya, Farid bercakap dalam hatinya apabila memikirkan tanggungjawab yang harus dipikulnya untuk mengurus Syarikat Batik Nusantara, iaitu syarikat peninggalan ayahnya yang berhadapan dengan masalah kewangan selepas dilantik untuk menerajui syarikat tersebut

- teknik imbas kembali – contohnya, Lofti mengenang peristiwa sebelum dia ditimpa kemalangan, dia telah mengikut ayahnya, iaitu Haji Badrul menghantar batik syarikat keluaran syarikat ayahnya itu ke serata tempat seperti bandar besar di pantai barat dengan menaiki kereta ayahnya

Praktis 4

Novel Justeru Impian di Jaring

- di Kompleks Sukan – contohnya, Syahir dan rakan-rakan sepasukannya kerap menjalani latihan di gelanggang badminton bawah bimbingan beberapa orang jurulatih sebagai persediaan untuk menghadapi Kejohanan Terbuka Johor dan Kejohanan Dunia di Jakarta
- di Stadium Badminton Istora Senayan – contohnya, berlangsung pertembungan yang sengit antara Syahir dengan Andri Minarwan dalam Kejohanan Antarabangsa – Syahir menjadi juara dunia selepas mengalahkan Andri Minarwan
- di rumah keluarga Syahir di Seremban – contohnya, Syahir pulang apabila berasa agak kecewa kerana impiannya untuk mewakili negara dalam Kejohanan Antarabangsa di Jakarta tidak tercapai selepas dia kecundang di tangan Syed Amiri dalam Kejohanan Terbuka Johor

Novel Tawanan Komander Caucasus

- di rumah keluarga Kim Yong – contohnya, Farhani dan rakan-rakannya menziarahi Puan Lee, iaitu ibu Kim Yong selepas mendapat berita kehilangan Kim Yong bagi melahirkan rasa simpati serta berkongsi kesedihan
- di dusun datuk Farhani – contohnya, Farhani menunggu kedatangan rakan-rakannya, iaitu Mira dan Chea Mei untuk mencari kumbang – Farhani masuk ke rumah usang lalu terperangkap di dalam dunia kumbang
- di mahligai Maharaja Caucasus di dalam dunia kumbang – contohnya, Haikal, Devnath, dan Wei ditawan oleh tentera Komander Caucasus dan dijadikan tawanan bersama-sama Puteri Coleoptera dan Bara

Novel Chot

- di rumah keluarga Alias di Kampung Dingin – Alias dan ibunya tinggal bersama-sama ibunya yang lumpuh – contohnya, Alias menyediakan keperluan ibunya sebelum pergi ke sekolah
- di pokok langsung yang berhampiran dengan rumah keluarga Alias – contohnya, Alias menambat Chot, beruk peliharaannya di pokok langsung dengan membuat sebuah rumah daripada kotak sabun untuk melindungi Chot daripada panas dan hujan
- di kelas darjah lima – contohnya, Alias dimarahi oleh Cikgu Sunan di hadapan murid-murid yang lain kerana lewat datang ke sekolah dengan alasan mencari beruknya yang hilang – Alias terkejut lalu jatuh terlentang sehingga menyebabkan telinganya bengkak dan sakit kerana terkena bucu meja

Novel Hempasan Ombak

- di pejabat Syarikat Batik Nusantara – contohnya, Farid berbincang dengan Tomsiah dan Nik Ramly, iaitu dua orang pekerja yang banyak pengalaman – perbincangan itu adalah tentang perjalanan syarikat serta selok-belok perniagaan batik
- di bazar MARA – contohnya, Farid menemui rakan sekelasnya dahulu, iaitu Zuraida yang telah berniaga pakaian hampir tujuh tahun di situ
- di bengkel batik moden di Syarikat Batik Nusantara – contohnya, berlaku kebakaran di bengkel tersebut – pihak bomba berusaha untuk memadamkan kebakaran itu

Praktis 5

Novel Justeru Impian di Jaring

- Kak Uda sanggup mengambil cuti untuk menjaga emaknya yang mengalami strok kerana Syahir akan pergi ke Jakarta bagi mewakili negara dalam Kejohanan Terbuka Antarabangsa

- Andri Minarwan membantu Syahir yang hampir rebah sewaktu penyampaian pingat di podium kerana mengalami sakit di bahagian abdomen dengan menahan tubuh Syahir yang berdiri di sebelahnya
- Haji Marzuki membantu Syahir semasa Syahir mengalami tekanan dengan memberikan kata-kata semangat agar dia tidak berputus asa

Novel Tawanan Komander Caucasus

- Bara dan Dara Bintik membantu Farhani mengusung Kim Yong yang tidak sedarkan diri keluar dari makmal rahsia Komander Caucasus
- Farhani, Haikal, Devnath, Wei, dan Kim Yong membantu Puteri Coleoptera untuk mengalahkan Komander Caucasus dan mendapatkan takhta warisan ayahandanya semula
- Farhani dan rakan-rakannya membantu tentera kumbang memasang khemah di kawasan persembunyian Dara Merah di sebuah hutan

Novel Chot

- Mak Su Kiah membantu Alias dan ibunya yang hidup dalam kemiskinan dengan kerap menghantar makanan ke rumah mereka
- Pak Din, iaitu ayah Som membantu Syahir semasa Miah menuduh Chot merosakkan pokok pisangnya dengan membayar ganti rugi kepada Miah
- Alias selalu membantu Som menyiapkan kerja rumah Matematik yang diberikan oleh Cikgu Sunan kerana Alias bijak dalam Matematik

Novel Hempasan Ombak

- Zuraida membantu Farid menjual batik bermotif moden yang dikeluarkan oleh syarikat Farid di gerai jualannya di bazar MARA tanpa mengambil komisen
- Tomsiah banyak membantu Farid terutama berkaitan dengan pengurusan kewangan Syarikat Batik Nusantara ketika Farid baru mengambil alih pengurusan syarikat tersebut selepas ayahnya meninggal dunia
- Mokhsein banyak membantu Farid untuk memasarkan batik keluaran syarikatnya selain mengajar Farid tentang bidang perniagaan

PEMINDAHAN MAKLUMAT

Praktis 1

Pelbagai usaha yang proaktif harus dilakukan oleh pelbagai pihak untuk memajukan industri kraf tangan. Antara usaha yang dapat dilakukan termasuklah mengadakan promosi secara besar-besaran bagi menggalakkan pengusaha kraf tangan bergiat secara aktif. Dengan ini, sikap menghargai seni dan nilai barang kraf tangan dapat dipupuk dalam kalangan masyarakat. Usaha ini juga lebih dominan untuk meningkatkan produktiviti kraf tangan. Selain itu, pihak berkenaan harus memanfaatkan medium media sosial untuk menjual kraf tangan kepada anggota masyarakat. Para pengusaha kraf tangan harus bijak memanfaatkan medium media sosial untuk mengembangkan perniagaan produk kraf tangan hingga peringkat antarabangsa. Hal ini demikian kerana pembelian barang melalui talian sudah menjadi fenomena masyarakat yang ingin semuanya mudah dan cepat hanya di hujung jari. Seterusnya, agensi yang berkenaan wajar menganjurkan kursus dan pendedahan kepada pengusaha yang kurang mahir untuk memasarkan produk mereka. Kursus yang dianjurkan ini memberikan peluang kepada pengusaha untuk memahami pemasaran, terutama peringkat antarabangsa. Akhir sekali, pengusaha kraf tangan harus juga menghasilkan produk yang sejajar dengan aliran semasa. Oleh itu, kraf tangan

yang dihasilkan perlu unik dan kreatif serta bersesuaian dengan cita rasa semasa tetapi mengekalkan keasliannya. Kesimpulannya, industri kraf tangan harus didedahkan kepada golongan muda kerana mampu menjana pendapatan.

Praktis 2

Kemalangan di tempat kerja tidak harus dipandang ringan oleh semua pihak. Pelbagai langkah harus dilakukan agar kes kemalangan di tempat kerja berkurangan. Antaranya termasuklah para pekerja perlu menghadiri induksi keselamatan di tempat kerja. Dengan ini, para pekerja lebih peka terhadap aspek keselamatan serta mengamalkan budaya kerja yang berhemah. Pada masa yang sama, para pekerja di bengkel atau di tapak pembinaan wajib memakai alat perlindungan keselamatan. Pemakaian alatan keselamatan ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan risiko kemalangan dalam kalangan pekerja. Selain itu, para pekerja harus mengendalikan mesin atau peralatan mengikut prosedur yang ditetapkan. Prosedur penggunaan mesin perlu dipatuhi untuk mengelakkan daripada berlakunya perkara yang tidak diingini. Kesimpulannya, para pekerja perlu sentiasa mengamalkan budaya kerja yang berhemah bagi mengurangkan kemalangan di tempat kerja.

Praktis 3

Rajah menunjukkan jumlah kes demam denggi dari tahun 2012 hingga tahun 2017. Pada tahun 2012, sebanyak 21900 kes berlaku di negara kita. Bilangan ini paling sedikit mungkin kerana kesedaran yang tinggi dalam kalangan ahli masyarakat tentang bahaya denggi. Pada tahun 2015, bilangan kes demam denggi mencatatkan angka yang paling tinggi, iaitu 120836 kes. Hal ini mungkin disebabkan oleh ketidakcekapan pengurusan sampah di kawasan penempatan sehingga menyebabkan nyamuk aedes mudah membiak. Pada tahun 2017, bilangan kes demam denggi semakin berkurang menjadi 83849 kes. Hal ini demikian kerana, usaha yang giat dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kesihatan seperti penyemburan asap di kawasan pembiakan nyamuk aedes. Kesimpulannya, anggota masyarakat perlu mempunyai kesedaran untuk menjaga kebersihan bagi menangani kes demam denggi yang merupakan antara penyakit yang berbahaya.

Praktis 4

Pameran Pertanian, Hortikultur, dan Agropelancongan Malaysia yang diadakan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang banyak menyumbang kepada kemajuan industri pertanian dan penternakan. Pameran ini dapat menonjolkan agroteknologi pertanian dalam industri agromakanan negara. Dengan itu, banyak produk makanan berasaskan pertanian dan penternakan dapat dihasilkan demi bekalan makanan negara. Selain itu, pameran ini menyediakan peluang kerjaya dan bidang keusahawanan yang dapat diceburi oleh penduduk. Dengan peluang tersebut, anggota masyarakat dapat meningkatkan taraf hidup mereka. Seterusnya, kita dapat mempamerkan produk pertanian, penternakan, teknologi, serta perkhidmatan agromakanan untuk pengetahuan orang ramai. Hal yang demikian dapat meningkatkan eksport hasil pertanian dan penternakan yang mampu menjana pendapatan negara. Kesimpulannya, pameran ini merupakan usaha yang efektif untuk membangunkan serta meningkatkan mutu sektor pertanian dan penternakan negara.

Praktis 5

Permainan tradisional kini semakin dilupakan oleh anggota masyarakat. Pelbagai kepentingan mempopularkan permainan tradisional sehingga pihak kerajaan dan pihak swasta melaksanakan pelbagai langkah. Antaranya, permainan tradisional

dapat dijadikan produk pelancongan yang memberikan manfaat kepada rakyat dan negara. Biasanya, kebanyakan pelancong yang berkunjung ke negara ini pasti ingin melihat keunikan budaya warisan. Selain itu, permainan tradisional dapat dijadikan aktiviti mengisi masa lapang secara berfaedah. Dengan ini, anggota masyarakat dapat menghindarkan diri daripada terjebak dalam aktiviti negatif. Permainan tradisional merupakan warisan budaya yang harus dipopularkan. Oleh itu, permainan ini perlu dikekalkan agar tidak lenyap ditelan zaman. Kita juga dapat menjadikan permainan tradisional sebagai sumber hiburan yang menyeronokkan. Tuntasnya, kita perlu mengembalikan kegemilangan permainan tradisional kerana permainan ini banyak kepentingannya kepada rakyat dan negara.

Praktis 6

Iklan menunjukkan program Bina Jati Diri yang merupakan aktiviti cuti sekolah. Program akan diadakan selama tiga hari bermula pada 26 November hingga 28 November 2019. Murid yang berminat dengan program ini dikenakan bayaran sebanyak RM200 termasuklah makan dan minum. Penyertaan terbuka kepada murid berumur 13 tahun hingga 16 tahun dan terhad kepada 40 orang murid sahaja. Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang program ini berlangsung, iaitu bengkel sahsiah diri, aktiviti kecergasan, ceramah, dan menjelajah alam kita. Melalui program ini, murid-murid dapat meningkatkan jati diri demi kecemerlangan diri. Selain itu, program ini merupakan salah satu cara murid mengisi masa cuti sekolah secara berfaedah. Kesimpulannya, para murid harus merebut peluang menyertai program sedemikian demi kecemerlangan diri.

Praktis 7

Industri kecil dan sederhana (IKS) harus dimajukan dengan pelbagai langkah agar dapat meningkatkan ekonomi negara. Khidmat nasihat, modal, dan kursus tentang industri kecil dan sederhana harus dilaksanakan oleh kerajaan untuk menarik minat golongan muda melibatkan diri dalam IKS. Selain itu, konsep "Satu Daerah Satu Produk" dapat menggambarkan keistimewaan dan dentiti sesebuah daerah. Para pengusaha IKS perlu dibimbing tentang strategi penjualan dan pemasaran produk melalui laman sosial. Seterusnya, pengusaha industri ini juga perlu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta penggunaan teknologi moden. Masyarakat juga harus digalakkan untuk membeli barangan IKS agar para pengusaha lebih giat mengeluarkan produk mereka. Di samping itu, media massa dapat mengembangkan industri desa dengan mempromosikan dan menyebarkan maklumat produk IKS. Industri ini harus dimajukan kerana dapat meningkatkan ekonomi negara.

Praktis 8

Melalui pelancongan domestik, kita dapat mengenali dan memahami kebudayaan, adat resam, dan warisan negara. Dengan ini, perasaan bangga dan cinta akan negara timbul dalam diri kita. Selain itu, pelancongan domestik juga dapat menjana ekonomi negara serta menambahkan peluang pekerjaan dan perniagaan kepada rakyat. Di samping itu, pelancongan domestik juga dapat memberikan kesan terhadap industri pelancongan. Seterusnya, melancong dalam negara dapat merapatkan hubungan kekeluargaan kerana semua anggota keluarga bercuti bersama-sama. Kos melancong dalam negara juga agak lebih murah. Akhir sekali, pelancongan domestik mampu memupuk semangat patriotik serta memperkukuh jati diri rakyat.

Praktis 9

Gejala gengsterisme semakin berleluasa dalam kalangan murid pada masa ini. Hal ini berpunca daripada sikap kebanyakan

ibu bapa yang sibuk dengan pekerjaan dan aktiviti sendiri, selain terlalu menyokong dan memanjakan anak-anak. Di samping itu, segelintir pihak sekolah menyembunyikan kes-kes gengsterisme di sekolah kerana tidak mahu diketahui umum dan berpanjangan. Selain itu, gengsterisme berlaku kerana murid menyimpan dendam kepada rakan yang pernah membulinya. Seterusnya, pengawasan pihak pengurusan asrama yang lemah menyebabkan gengsterisme berlaku. Malahan, sesetengah murid pula bersikap pantang dicabar. Kesimpulannya, ibu bapa, pihak sekolah, dan polis haruslah bekerjasama bagi menyelesaikan gengsterisme dalam kalangan murid.

Praktis 10

Kita wajar mencari dan mencuba pendekatan baharu untuk memartabatkan bahasa Melayu, terutama dalam kalangan generasi muda kini. Antaranya, kita meneruskan usaha mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa pengetahuan. Selain itu, bahasa Melayu digunakan dalam syarahan-syarahan perdana dan dalam situasi rasmi. Di samping itu, bahasa Melayu menjadi bahasa utama dan bahasa rasmi dalam sidang Parlimen, urusan pentadbiran, dan bidang perundangan. Pada masa yang sama, bahasa Melayu juga digunakan dalam bidang teknologi maklumat. Akhir sekali, institusi pengajian tinggi (IPT) perlu mengadakan kursus yang berkaitan dengan kejuruteraan menggunakan bahasa Melayu. Kesimpulannya, kita patut mencintai bahasa ibunda kita sendiri.

Praktis 11

Petikan ini membincangkan langkah-langkah mengawal penularan wabak COVID-19 yang melanda hampir seluruh dunia. Pergerakan Kawalan Pergerakan dilancarkan dengan melarang sebarang perhimpunan ramai. Selain itu, rakyat diarahkan agar kekal berada di rumah dan mengurangkan pergerakan sebagai usaha agar penularan virus ini tidak merebak secara berterusan. Selain itu, rakyat Malaysia dari luar negara yang pulang ke tanah air perlu melaporkan diri kepada pihak kesihatan, melakukan pemeriksaan kesihatan, dan menjalani melakukan kuarantin sukarela selama 14 hari. Kerajaan pula menyekat kemasukan pelancong dan pelawat asing di semua pintu utama negara untuk mengawal wabak ini daripada menular. Anggota masyarakat perlu bertanggungjawab terhadap diri dengan membersihkan diri dengan melakukan disinfeksi di sekitar rumah. Orang ramai juga harus menjarakkan diri semasa berada di luar rumah untuk mengelakkan sentuhan. Kesimpulannya, rakyat mestilah sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan dalam usaha membantu negara mengawal penularan COVID-19.

Praktis 12

Petikan memperkatakan punca-punca kemalangan jalan raya berlaku. Antaranya, sikap pemandu dan pengguna jalan raya. Keadaan kenderaan yang tidak berada dalam keadaan baik turut mengakibatkan kemalangan jalan raya. Selain itu, masalah teknikal juga menjadi faktor berlakunya kemalangan jalan raya. Seterusnya, kemalangan jalan raya berlaku berpunca daripada gejala perlumbaan haram yang berleluasa. Akhir sekali, penyebab kemalangan jalan raya yang lain ialah faktor bencana alam. Kesimpulannya, para pengguna jalan raya mestilah berwaspada ketika berada di jalan raya agar dapat menghindarkan kemalangan.

Praktis 13

Petikan memperkatakan langkah-langkah untuk menggalakkan amalan berbudi bahasa. Antaranya ialah amalan berbudi bahasa diterapkan melalui penggunaan kata sapaan. Seterusnya, kita mengambil langkah menyuburkan penghayatan

berbudi bahasa kepada pelbagai golongan. Di samping itu, kita mewujudkan anggota masyarakat yang mengamalkan kelakuan terpuji dan amalan murni. Langkah-langkah untuk menggalakkan amalan berbudi bahasa yang lain ialah amalan berbudi bahasa disemarakkan dalam kehidupan harian dan membudayakan warisan nenek moyang dalam hubungan sesama anggota masyarakat. Akhir sekali, usaha tersebut ialah rakyat dan kerajaan saling membahu bagi mewujudkan masyarakat yang berhemah. Ironinya, amalan berbudi bahasa dalam kalangan masyarakat perlulah diamalkan secara berterusan.

Praktis 14

Petikan membincangkan persepsi remaja terhadap bidang pertanian. Remaja menganggap pertanian tidak menjamin masa depan. Selain itu, kebanyakan remaja mengidamkan kerjaya dalam bidang profesional. Seterusnya, sesetengah ibu bapa menasihati anak-anak agar tidak mewarisi bidang pertanian. Pada masa yang sama, ibu bapa membina imej bahawa bidang pertanian untuk orang yang gagal dalam akademik dan orang kampung sahaja. Kesimpulannya, bidang pertanian tidak kurang pentingnya dengan industri lain.

PENULISAN

BAHAGIAN A

Praktis 1

Pada hari Sabtu yang lalu, saya dan ayah pergi ke stadium untuk menyaksikan Kejohanan Hoki Piala Remaja Asia peringkat akhir. Perlawanan itu melibatkan pasukan hoki negara dengan pasukan hoki dari India.

Saya teruja menyaksikan perlawanan tersebut. Semua pemain mempamerkan aksi yang hebat. Pemain negara memiliki semangat berpasukan yang tinggi. Mereka beraksi dengan pantas. Mereka berkobar-kobar untuk memenangi perlawanan. Saya serta para penyokong memberikan sokongan yang padu kepada pasukan negara. Para pemain kelihatan lebih bersemangat untuk berjuang. Seorang pemain negara dapat membolosi pintu gol lawan lalu menjaringkan gol. Seperti yang diduga pasukan hoki negara menjadi juara dalam kejohanan tersebut.

Kemenangan itu telah mengharumkan nama Malaysia. Saya gembira dan bangga atas kejayaan pasukan hoki negara.

Praktis 2

Pada cuti sekolah baru-baru ini, saya telah menyertai perkhemahan di Hutan Simpan Bukit Hijau. Perkhemahan tersebut diadakan selama dua hari.

Guru pengiring memberikan taklimat ringkas tentang peraturan perkhemahan. Kami dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Kemudian, kami mendirikan khemah mengikut kumpulan masing-masing. Semua ahli pengakap bekerjasama untuk menjalankan tugas. Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang perkhemahan itu. Kami diiringi oleh seorang renjer untuk menjelajah hutan. Saya dapat melihat dan mengenali pelbagai jenis flora dan fauna di hutan itu. Selepas itu, kami menghadiri ceramah pertolongan cemas.

Pada esok pagi, semua peserta bersenamrobik. Selepas sarapan, setiap kumpulan membersihkan kawasan perkhemahan. Kami berkemas untuk pulang ke rumah. Kami memperoleh pelbagai pengalaman dan pengetahuan.

Praktis 3

Aku sepasang kasut sukan. Aku diproses di sebuah kilang di Shah Alam. Badanku dibuat daripada kulit dan kain yang berkualiti. Tapakku pula dibuat daripada getah.

Setelah siap diproses, aku dihantar ke sebuah kedai kasut. Aku dipamerkan di atas rak. Beberapa hari kemudian, aku dibeli oleh seorang lelaki untuk anaknya, Aiman. Aiman memakai aku pada setiap petang untuk bermain bola sepak. Aku gembira kerana Aiman menjaga aku dengan baik. Pada suatu petang, Aiman tersepak tunggal kayu yang agak besar. Tapakku koyak. Aku tidak dapat dirawat lagi. Ayah Aiman membelikannya kasut baharu.

Aku berasa sedih kerana dibuang ke dalam tong sampah. Namun begitu, aku bangga kerana telah berbakti kepada tuanku dengan baik.

Praktis 4

Kini sukan lasak semakin diminati oleh masyarakat. Kegiatan sukan ini lazimnya dilakukan secara berkumpulan.

Penyertaan dalam sukan lasak dapat menjadikan seseorang itu tabah dan kuat semangat bagi mengatasi halangan. Pada masa yang sama, pesertanya bersikap berani. Aktiviti sukan lasak seperti mendaki gunung juga menyihatkan badan selain mencerdaskan minda. Apabila badan sihat, kita dapat menjalani kehidupan dengan lebih selesa. Seterusnya, kegiatan dalam sukan lasak dapat meningkatkan disiplin seseorang. Hal ini demikian kerana peserta perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Penglibatan dalam sukan lasak banyak memberikan manfaat. Oleh itu, masyarakat digalakkan untuk menyertai sukan lasak agar dapat melonjakkan taraf sukan tersebut di negara kita.

Praktis 5

Pada hari Sabtu bersamaan dengan 14 Ogos yang lalu, saya mengikut keluarga saya menghadiri majlis perkahwinan anak rakan ayah saya. Sebaik-baik sahaja tiba, kami terus bersalaman dengan tuan rumah.

Ketika itu, saya melihat saudara-mara dan jiran tetangga tuan rumah bergotong-royong untuk menghidangkan makanan dan minuman di atas meja. Tuan rumah sibuk ke sana ke sini untuk melayan tetamu. Selepas itu, kami menjamu selera di khemah yang disediakan. Semasa makan, kami menerima cenderahati yang berupa bunga telur daripada pelayan tetamu. Kira-kira pukul 2.00 petang, rombongan pengantin tiba. Kedatangan mereka diiringi dengan paluan kompang. Pasangan mempelai disandingkan di atas pelamin untuk acara merenjis.

Tuan rumah dan tetamu gembira kerana majlis berlangsung dengan meriah sekali. Saya juga berasa kagum kerana semangat bekerjasama masih utuh dalam kalangan masyarakat di situ.

BAHAGIAN B

1. Pendahuluan:

hari Sabtu – berkumpul di kawasan sungai yang berdekatan dengan sekolah – teruja untuk menyertai aktiviti gotong-royong – pertama kali menyertai sebegini di luar kawasan sekolah

Isi-isi:

- merupakan aktiviti kelab – disertai oleh hampir lima puluh orang anggota kelab – kerja sosial untuk menjaga alam sekitar – memberikan sumbangan kepada masyarakat
- para peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan – memudahkan dan melancarkan gotong-royong – memulakan kerja selepas taklimat diberikan
- membersihkan sungai – menyauk sampah sarap di dalam sungai – air sungai mengalir dengan lancar – diharapkan akan dapat menangani masalah banjir kilat
- kumpulan lain membina landskap di kawasan sekitar – menanam pokok-pokok – disumbangkan oleh beberapa

orang peserta, PIBG sekolah, dan syarikat swasta – menghijaukan suasana sekitar – menghargai pokok-pokok

Penutup:

berasa bangga dan gembira kerana berpeluang untuk menyertai aktiviti tersebut – memperoleh pengalaman – memupuk peningkatan nilai bertanggungjawab dan keprihatinan terhadap alam sekitar

2. Pendahuluan:

masalah pencemaran alam sekitar di negara kita agak membimbangkan – tidak harus dipandang ringan – akan menjejaskan kehidupan – masyarakat seharusnya memainkan peranan proaktif untuk menangani perkara ini

Isi-isi:

- (a) pihak berkuasa melancarkan kempen secara meluas – disiarkan dalam media massa – dapat meningkatkan kesedaran dan rasa cinta akan alam sekitar – memiliki rasa tanggungjawab untuk memelihara alam sekitar bersama-sama – diadakan secara berterusan
- (b) pihak sekolah memupuk perasaan sayang dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar dalam kalangan murid – mengadakan pelbagai program yang dapat memberikan pemahaman tentang peranan murid-murid dalam menjaga alam sekitar – seperti kempen, pertandingan syarahan, dan pelbagai program lain
- (c) ibu bapa mendidik anak-anak tentang kepentingan memelihara alam sekitar – anak-anak yang masih muda dapat dibentuk – ibu bapa menjadi suri tauladan
- (d) media massa menyiarkan pelbagai kaedah untuk mengurangkan pencemaran alam – antaranya kegunaan tong kitar semula – dapat memupuk budaya kitar semula dalam kalangan masyarakat – masyarakat mengurangkan pembuangan sampah
- (e) pihak berkaitan menghasilkan teknologi baharu – penggunaan tenaga solar untuk menjimatkan sumber alam

Penutup:

semua pihak berperanan penting dalam menggalas tanggungjawab memelihara alam sekitar – demi kelestarian alam sekitar

3. Pendahuluan:

kata alu-aluan kepada hadirin – menyatakan tajuk syarahan – alam sekitar wujud secara semula jadi di permukaan bumi – amat penting dalam kehidupan harian semua hidupan

Isi-isi:

- (a) membolehkan kita menyedut udara yang segar – amat penting untuk kesihatan – tumbuhan membebaskan oksigen – kita mendapat bekalan oksigen secukupnya sekiranya alam sekitar kita dipelihara dengan baik
- (b) menjamin keseimbangan ekosistem – menjamin sumber air yang bersih – hutan berfungsi sebagai kawasan tadahan hujan – menakung air hujan secara semula jadi – disalurkan ke sungai untuk meneruskan peredaran air
- (c) menjimatkan sumber alam seperti petrol dan arang batu – menakung air di dalam empangan – menghasilkan kuasa elektrik hidro – tenaga yang bersifat mesra alam
- (d) mengekalkan flora dan fauna – mempunyai peranan mengekalkan alam semula jadi – merupakan biodiversiti yang tidak boleh dipisahkan – kepupusan flora dan fauna akan menjejaskan kitaran alam semula jadi

Penutup:

alam sekitar merupakan harta paling berharga – oleh itu, kita haruslah bersatu padu untuk menjaga dan memelihara alam sekitar demi kelestarian alam sekitar dan manfaat bersama

LISAN

LISAN BERTUTUR

Praktis 1

Tajuk Perbincangan: Kesan Penggunaan Internet

Skop / Isi Perbincangan:

A Pengguna menerima maklumat dengan mudah dan pantas

1. Maklumat carian bukan sahaja dalam bentuk teks, tetapi juga dalam bentuk gambar rajah, jadual, carta grafik, audio, animasi, dan bentuk media elektronik yang lain.
2. Pengguna didedahkan kepada *World Wide Web* (www) untuk mencari maklumat yang dikehendaki.
3. Pengguna tidak perlu ke perpustakaan kerana mereka boleh melayari Internet di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa untuk mendapatkan maklumat dengan kadar segera.
4. Menjimatkan kos seperti kos perbelanjaan dan kos pengangkutan.

B Pengguna menggunakan Internet sebagai saluran komunikasi antarabangsa

1. Pengguna di seluruh dunia menggunakan Internet untuk berhubung atas pelbagai tujuan.
2. Pakar-pakar perubatan dapat berkomunikasi dan berinteraksi dengan adanya Internet.
3. Komunikasi dalam aspek ekonomi dan politik pula dapat dilakukan dengan telekonferens.
4. Menjimatkan kos dan memudahkan urusan.

C Banyak membuang masa pengguna

1. Keseronokan melayari laman-laman sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, dan sebagainya serta bermain permainan maya secara atas talian menyebabkan seseorang menghabiskan banyak waktu.
2. Murid menghabiskan waktu mereka melayari Internet sehingga mengabaikan kerja sekolah dan waktu belajar.
3. Produktiviti seseorang pekerja juga akan merosot jika terlalu leka melayari Internet.
4. Menjejaskan pembangunan negara kerana remaja bakal menentukan kesejahteraan serta kemakmuran negara kita pada masa hadapan.

D Mendedahkan akaun pengguna kepada jenayah siber

1. Antaranya ialah penipuan secara atas talian, berlaku transaksi palsu, buli siber, dan sebagainya.
2. Penjenayah siber mampu menggodam sistem pertahanan negara dan rahsia-rahsia kerajaan yang dapat mendedahkan sesebuah negara kepada ancaman anasir luar.
3. Penipuan jual beli dalam talian membawa kerugian yang besar kepada pembeli dan penjual.
4. Pengguna diugut untuk mendapatkan maklumat peribadinya atau kegiatan jenayah yang membahayakan keselamatan dirinya.

Praktis 2

Tajuk Perbincangan: Pakaian Tradisional Rakyat Malaysia

Skop / Isi Perbincangan:

A Kaum Melayu

1. Apabila penyebaran Islam menjadi lebih meluas, wanita Melayu mula memakai baju kurung yang sopan tetapi elegan.

2. Baju kurung ialah blaus longgar selubah lutut yang biasanya dipakai di luar skirt panjang dengan lipatan di tepi.
3. Baju kurung boleh juga dipasangkan dengan fabrik tradisional seperti songket dan batik serta dilengkapi dengan selendang atau tudung serta skaf.
4. Pakaian tradisi lelaki Melayu ialah baju Melayu yang berbentuk kemeja, dikenakan dengan seluar dan biasanya disertakan dengan samping, iaitu kain sarung pendek yang dililit di pinggang.

B Kaum India

1. Sari ialah pakaian tradisional wanita India yang terkenal di seluruh dunia, sehelai kain yang biasanya lima hingga enam ela lebarnya.
2. Sari dibuat daripada pelbagai bahan, tekstur, dan rekaan.
3. Salwar kameez atau baju Punjabi, iaitu baju panjang yang dipakai bersama seluar dengan selendang sepadan amat popular dalam kalangan wanita India Utara.
4. Kurta, iaitu baju panjang paras lutut yang biasanya dibuat daripada kain kapas atau linen ialah pakaian tradisional masyarakat India untuk lelaki dalam majlis formal.

C Etnik di Sarawak dan Sabah

1. Dengan kepelbagaian kumpulan etniknya, Sarawak dan Sabah mempunyai pelbagai jenis pakaian tradisional mengikut suku kaum.
2. Etnik Sarawak dikenali dengan pua kumbu beranyam daripada puak Iban, songket daripada Melayu Sarawak, aksesori manik berwarna-warni, barang kemas tradisional, dan hiasan kepala.
3. Setiap etnik di Sabah memakai pakaian, hiasan kepala, dan hiasan diri dengan bentuk, motif, dan skema warna tertentu berdasarkan puak dan kawasan tempat mereka berasal.
4. Topi dan hiasan kepala yang terkenal termasuklah topi anyaman wanita Kadazan Dusun, destar anyaman Bajau, dan hiasan kepala lelaki Lotud.

D Baba Nyonya

1. Kebanyakan wanita muda Baba Nyonya Melaka memakai kebaya bermotif indah dengan kain sarung berkerongsang rangkai serta dipadankan dengan kasut manik yang cantik.
2. Bagi golongan wanita Baba Nyonya yang telah berusia, mereka mengenakan kebaya panjang berkolar tinggi yang menutup bahagian dada atau dipanggil kebaya encim.
3. Golongan lelaki muda Baba biasanya mengenakan baju dan kot serta berkasut kulit, tetapi mereka mengenakan samfu dan kasut serta topi pada hari keraian.
4. Golongan lelaki berusia pula berpakaian lebih ringkas pada hari-hari biasa, namun masih mengenakan samfu dan kot dengan berseluar dan berkasut sulam serta topi.

Praktis 3

Tajuk Perbincangan: Ciri-ciri Pelajar Cemerlang

Skop / Isi Perbincangan:

A Mempunyai sahsiah dan peribadi yang unggul

1. Sentiasa menjaga hubungan baik sesama manusia baik keluarga, guru, mahupun rakan-rakan.
2. Sentiasa bersedia untuk membantu rakan-rakan dalam pelajaran.
3. Sentiasa mengamalkan sikap bermurah hati dan tidak pilih kasih dalam pergaulan.
4. Sentiasa bergaul mesra dengan rakan-rakan tanpa membezakan bangsa, agama, dan prestasi akademik.

B Sentiasa mengikut ajaran agama

1. Sentiasa menjadikan ajaran agama sebagai panduan hidup.
2. Sentiasa mempunyai niat yang suci dalam setiap tindakan yang dilakukan.
3. Sentiasa menunaikan tanggungjawab terhadap Tuhan.
4. Sering berdoa untuk mencapai kejayaan.

C Tidak mensia-siakan masa

1. Sentiasa mengisi masa terluang dengan melakukan pelbagai aktiviti yang berfaedah.
2. Menyediakan jadual aktiviti harian yang fleksibel.
3. Sentiasa berusaha untuk menambah ilmu pengetahuan.
4. Sentiasa menyiapkan segala tugas yang diberi dan tidak menangguhkannya.

D Sentiasa aktif dalam kegiatan kokurikulum

1. Bakat dan kebolehan akan terserlah dan dapat terus digilap melalui aktiviti kokurikulum yang disertai.
2. Badan sihat dan cergas.
3. Otak menjadi cerdas.
4. Haruslah menyertai pertandingan bagi mengenal pasti potensi diri.

Praktis 4

Tajuk Perbincangan: Sambutan Hari Kebangsaan

Skop / Isi Perbincangan:

A Hari kebesaran negara

1. Hari Kemerdekaan merupakan hari kebesaran negara yang perlu disambut dan dihayati oleh rakyat negara ini.
2. Pelbagai acara dijalankan di seluruh negara untuk menyambut hari ulang tahun kemerdekaan ini.
3. Antara acara yang diadakan ialah majlis perarakan atau perbarisan, memasang bendera pada bangunan dan kenderaan, pelbagai pertandingan yang bertemakan kemerdekaan, dan sebagainya.
4. Sambutan hari tersebut hendaklah diteruskan agar generasi muda yang menjadi tonggak negara pada masa hadapan akan mengerti dan menghayati kebaikannya.

B Memupuk semangat patriotik dan mengukuhkan jati diri rakyat

1. Rakyat merasai pengalaman meraikan sambutan ulang tahun kemerdekaan negara sendiri melalui acara-acara yang disertai atau ditonton.
2. Rakyat berasa megah dan bangga akan hari kemerdekaan negaranya sendiri.
3. Rakyat akan sedar dan berazam untuk mempertahankan kemerdekaan negara kita sampai bila-bila.
4. Dapat mengelakkan generasi muda hari ini daripada mudah hanyut dan terikut-ikut akan budaya Barat.

C Memupuk perpaduan kaum

1. Pelbagai kaum di negara kita bekerjasama dan berganding bahu dengan melibatkan diri semasa sambutan diadakan.
2. Negara yang harmoni dan sejahtera hanya akan dapat dibentuk jika semua kaum ini dapat bersatu padu, bekerjasama, dan bertoleransi.
3. Semua kaum dapat berkumpul bagi meraikan hari kemerdekaan negara.
4. Pelancong asing dapat menyaksikan perpaduan kaum yang menjadi tunjang keharmonian negara kita.

D Menghargai jasa dan sumbangan pejuang-pejuang kemerdekaan dahulu

1. Mengenang perjuangan tokoh-tokoh yang telah berkorban demi mencapai kemerdekaan tanah air.
2. Antara tokoh yang amat berjasa kepada negara ialah Tunku Abdul Rahman, Rosli Dhobi, Rentap, Kanang, dan sebagainya.
3. Mereka sanggup berkorban masa, tenaga, malahan nyawa sendiri demi membebaskan tanah tempat tumpah darah mereka daripada dijajah oleh kuasa asing seperti British dan Jepun.
4. Perjuangan tokoh-tokoh ini patut dijadikan pembakar semangat kepada generasi muda untuk terus mempertahankan kedaulatan negara daripada digugat oleh sebarang anasir jahat.

Praktis 5

Tajuk Perbincangan: Punca-punca Kemusnahan Alam Sekitar

Skop / Isi Perbincangan:

A Penerokaan hutan secara giat

1. Hutan diteroka untuk penanaman sayur dan buah-buahan tanpa kawalan dan penguatkuasaan.
2. Hutan diteroka untuk mendirikan projek perumahan dan pembangunan yang lain.
3. Penerokaan hutan telah menjejaskan fungsi pokok-pokok besar dalam keseimbangan ekosistem hutan hujan.
4. Menyebabkan permukaan tanah menjadi gondol dan terdedah kepada hakisan.

B Pembalakan haram

1. Pembalakan secara tidak terkawal memusnahkan tanaman tutup bumi dan menyebabkan hakisan di lereng bukit, banjir kilat, dan memudahkan proses tanah runtuh berlaku.
2. Pokok-pokok di lereng bukit yang menjadi benteng mengelakkan gelongsoran tanah telah ditebang sewenang-wenangnya.
3. Menjejaskan fungsi pokok-pokok besar dalam keseimbangan ekosistem hutan hujan.
4. Memusnahkan spesies tumbuhan bernilai tinggi seperti cengal batu dan meranti serta menyumbang kepada kepupusan pokok yang dilindungi.

C Pencemaran alam sekitar

1. Pencemaran alam sekitar terdiri daripada pencemaran udara, pencemaran sungai, dan lain-lain.
2. Faktor utama berpunca daripada sikap masyarakat yang tidak bertanggungjawab.
3. Masyarakat sewenang-wenangnya membuang sampah sarap dan sisa toksik di tempat yang tidak sepatutnya.
4. Pencemaran alam sekitar memberi kesan kepada iklim global dan setempat, seperti hujan asid yang berbahaya kerana akan mengalir dan meresap ke dalam tanah serta memusnahkan galian dalam tanah sehingga tanah menjadi tidak subur.

D Aktiviti perindustrian

1. Aktiviti perindustrian merupakan punca utama fenomena pemanasan global.
2. Pembakaran bahan api fosil seperti gas dan arang batu bagi menggerakkan mesin dan jentera telah mengeluarkan banyak gas rumah hijau terutamanya gas karbon dioksida.
3. Semakin banyak gas karbon dioksida dihasilkan, semakin banyak haba yang terperangkap oleh lapisan gas lalu meningkatkan suhu udara secara global.

4. Pemanasan global merupakan satu fenomena pemerangkapan gas yang dikenali sebagai gas rumah hijau dan kumpulan gas ini menghalang serta memerangkap haba bumi daripada terbebas keluar ke angkasa.

Praktis 6

Tajuk Perbincangan: Sukan sebagai Alat Perpaduan

Skop / Isi Perbincangan:

A Bermula dari peringkat sekolah

1. Setiap sekolah pastinya akan mengadakan Kejohanan Olahraga Tahunan pada setiap tahun, oleh itu semua murid dibahagikan kepada empat atau lima kumpulan besar atau dipanggil "rumah sukan" secara rawak yang terdiri daripada murid-murid yang berlainan kaum.
2. Setiap ahli rumah sukan diberikan peluang untuk mengambil bahagian dan mewakili rumah sukan masing-masing dalam mana-mana acara sukan yang dipertandingkan mengikut kategori umur.
3. Tiada acara sukan yang dipertandingkan mengikut kaum atau agama masing-masing.
4. Begitu juga dengan rakan-rakan penyokong serta guru-guru penasihat rumah sukan yang akan memberi sorakan dan sokongan kepada atlet-atlet rumah sukan masing-masing tanpa mengira bangsa mereka.

B Peranan persatuan belia setempat

1. Terdapat pelbagai persatuan belia seperti Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC), Gerakan Belia 4B, Persatuan Tamil Bell, Persatuan Belia Buddist, serta didokong oleh Majlis Belia Malaysia yang amat berkaitan dengan golongan remaja negara.
2. Persatuan belia antara kaum ini perlu memfokuskan perpaduan kaum belia di Malaysia, antaranya dengan menganjurkan pelbagai acara sukan dengan penglibatan semua kaum di Malaysia.
3. Peranan Majlis Belia Malaysia serta Kementerian Belia dan Sukan amat penting untuk mengawal dan menyelaras perjalanan persatuan belia di Malaysia agar perpaduan akan segar dan tersemat dalam kalangan remaja Malaysia.
4. Usaha untuk mengekalkan perpaduan perlu bermula daripada akarnya, iaitu dalam kalangan golongan belia yang akan menggantikan kepimpinan negara.

C Peranan dan kerjasama badan-badan sukan

1. Melibatkan badan kerajaan atau badan bukan kerajaan, contohnya antara pegawai kejohanan sukan seperti Majlis Sukan Negara (MSN), berfungsi sebagai peneraju sukan prestasi tinggi terunggul ke arah melahirkan lebih ramai atlet bertaraf antarabangsa, Persatuan Sukan Negeri-Negeri dengan lahirnya SUKMA (Sukan Malaysia) yang dijalankan secara dwitahunan.
2. Semasa SUKMA dilangsungkan, banyak atlet negara yang berbakat dapat dilahirkan tanpa mengira kaum kerana pemilihan atlet berdasarkan kemahiran dan kebolehan mereka dalam bersukan.
3. Peranan Majlis Belia Malaysia serta Kementerian Belia dan Sukan amat penting untuk mengawal dan menyelaras perjalanan persatuan belia di Malaysia agar perpaduan akan segar dan tersemat dalam kalangan remaja Malaysia.
4. Gabungan atlet, jurulatih, dan pegawai yang terlibat mampu melahirkan perpaduan kaum kerana setiap individu tersebut berusaha untuk memastikan kejohanan tersebut berjalan dengan lancar dan berjaya.

D Peranan atlet dalam pertandingan peringkat antarabangsa

1. Atlet biasanya akan dikumpulkan dan saling bekerjasama semasa menerima latihan pusat sebagai persiapan mewakili negara.
2. Segenap lapisan masyarakat Malaysia tanpa mengira kaum memberi sokongan kepada pasukan negara.
3. Kepelbagaian kaum di Malaysia menyertai acara sukan sudah pasti situasi pengukuhan kaum semakin erat dan perpaduan dalam kalangan masyarakat semakin utuh.
4. Atlet negara dalam pertandingan peringkat antarabangsa tidak membezakan diri mereka sebagai orang Melayu, Cina, atau India kerana fokus mereka hanyalah terhadap kejayaan pasukan dan negara.

Praktis 7

Tajuk Perbincangan: Kebaikan Menyertai Aktiviti Kokurikulum

Skop / Isi Perbincangan:

A Kebaikan kepada diri sendiri dan masa depan

1. Membentuk sifat jati diri yang penting untuk menyediakan murid menghadapi dunia luar setelah menamatkan alam persekolahan.
2. Asas-asas kemahiran yang diajarkan dalam badan unit unifom membentuk murid supaya berdikari dan sentiasa menonjol kebolehan diri tanpa bantuan orang lain.
3. Menyerlahkan bakat kepimpinan murid dan menjadikan murid sebagai pemimpin yang suka membimbing ahli-ahli dalam persatuannya agar bergiat lebih aktif.
4. Sebagai merit untuk melengkapkan kelayakan 10 peratus untuk murid melangkah ke pusat pengajian tinggi awam.

B Kebaikan kepada sekolah

1. Mengharumkan nama sekolah.
2. Sentiasa menjadi contoh dan idola bagi murid-murid lain.
3. Hubungan silaturahim sesama murid dapat dieratkan.
4. Dapat membantu untuk merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ingin melahirkan murid-murid yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek.

C Kebaikan kepada masyarakat

1. Mengetengahkan idea-idea yang positif dalam komuniti masyarakat.
2. Mengurangkan peratusan murid-murid yang rosak akhlaknyanya kerana murid mengisi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah.
3. Sebagai landasan bagi merancang aktiviti khidmat masyarakat.
4. Interaksi dengan masyarakat menjadikan murid lebih peka dan mengetahui cara untuk menyesuaikan diri mereka dengan masyarakat.

D Kebaikan kepada negara

1. Melahirkan generasi pelapis pemimpin yang hebat.
2. Melahirkan generasi yang berwawasan.
3. Kerajaan dapat mengurangkan kos untuk memulihkan para remaja yang rosak akhlak.
4. Melahirkan rakyat yang bersatu padu, setia kawan, dan bertoleransi dalam kalangan masyarakat majmuk.

Praktis 8

Tajuk Perbincangan: Peranan Ahli Keluarga dalam Membentuk Sahsiah Anak-anak

Skop / Isi Perbincangan:

A Memberikan didikan agama yang sempurna kepada anak-anak

1. Pendidikan agama perlu diterapkan dalam diri anak-anak sejak kecil.
2. Pendidikan agama dapat membuka minda serta mengelakkan diri anak-anak daripada terjebak dalam perlakuan negatif.
3. Didikan agama yang sempurna merupakan benteng yang ampuh untuk mengelakkan anak-anak terjebak dalam kancan gejala sosial.
4. Penerapan nilai agama dapat membantu anak-anak untuk membezakan perkara yang baik dengan yang buruk.

B Berperanan sebagai suri teladan kepada anak-anak

1. Anak-anak mudah mencontohi sebarang bentuk perlakuan orang yang lebih dewasa daripadanya.
2. Ibu bapa perlulah menjadi suri teladan yang dapat dicontohi oleh anak-anak.
3. Ibu bapalah yang akan mencorakkan kehidupan anak-anak pada peringkat awal.
4. Anak-anak yang sering mencontohi perbuatan ibu bapa yang baik, tidak akan sesekali cuba melakukan sesuatu yang menjatuhkan nama baik dan maruah keluarga.

C Melatih anak-anak agar saling bekerjasama dan berkasih sayang

1. Ibu bapa perlulah memberikan sepenuh kasih sayang kepada anak-anak agar anak-anak tahu menghargai hidup untuk saling berkasih sayang.
2. Ibu bapa perlu meletakkan panggilan manja untuk anak-anak supaya kemesraan dan kasih sayang sesama ahli keluarga tidak luput.
3. Budaya berterima kasih juga perlu diajarkan kepada anak-anak supaya wujud rasa penghargaan terhadap orang lain setiap kali menerima bantuan.
4. Ibu bapa juga hendaklah melatih anak-anak bekerjasama dalam melakukan sesuatu perkara dan kerja rumah agar anak-anak membesar dalam suasana yang saling membantu dan seia sekata.

D Memantau dan mengawasi gerak-geri anak-anak khususnya anak-anak yang meningkat remaja

1. Ibu bapa perlu mengetahui aktiviti yang dilakukan oleh anak-anak mereka serta mengetahui latar belakang rakan sebaya anak-anak.
2. Ibu bapa tidak wajar memberikan kebebasan yang sepenuhnya kepada anak-anak.
3. Ibu bapa perlulah mengenal pasti perubahan yang berlaku terhadap anak-anak pada setiap masa agar ibu bapa dapat bertindak lebih awal.
4. Setiap ahli keluarga perlulah melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan dan ilmu keibubapaan.

LISAN MENDENGAR

Praktis 1

Bahagian A Petikan Pertama

1. [✓]
2. [X]
3. [X]

Petikan Kedua

1.

Salah	✓
-------	---
2.

Betul	✓
-------	---

Petikan Ketiga

dewan Sekolah Menengah Taman Gembira; Persatuan Seni Kreatif Sekolah Menengah Taman Gembira

Petikan Keempat

Subjek	Tenaga pengajar
Kelas jahitan	Puan Hayati Idrus
Kelas komputer	Encik Zairi
Keas kraf tangan	Cik Nursyazwani
Kelas masakan	Puan Mariam Isa
Kelas aerobik	Cik Farah

Petikan Kelima

KETERANGAN	JAWAPAN
Tarikh sambutan hari keluarga	Sabtu
Hari	9.00 pagi
Masa sambutan tamat	Taman rekreasi
	19 Julai 2020
	12.00 tengah hari

Petikan Keenam

1. kerajaan tidak mahu gejala ini menular dalam kalangan murid sekolah rendah
2. ibu bapa


Petikan Ketujuh

Nama Program	Bayaran Yuran	Tarikh Tutup Penyeriaan
Pertandingan Mencari Harta Karun	RM100	16 November 2020

Petikan Kelapan

B

Petikan Kesembilan



Petikan Kesepuluh

B

KERTAS 1

Bahagian A

1. B 2. C 3. D 4. B 5. A
6. A 7. C 8. D 9. A 10. C
11. A 12. B 13. D 14. D 15. B
16. A 17. D 18. D 19. A 20. A

Bahagian B

1. (i) pekung
(ii) selesema
(iii) janggal
2. (i) kerana
(ii) telah kami bantu
3. (i) – menggadai semua barang kemasnya
– menggadai tanah
(ii) – nilai kasih sayang – ibu penyajak dan ibu Farid (Hajah Zaoyah) menyayangi anak dan keluarga mereka
– nilai rasional – ibu penyajak berpesan kepadanya agar menjaga diri selalu kerana mungkin penyajak akan berhadapan dengan bencana di luar rumah manakala ibu Farid (Hajah Zaoyah) berhasrat tidak mahu ke Mekah lagi kerana hukum menunaikan fardu haji bagi umat Islam wajib hanya sekali
(iii) – mendengar dan mematuhi nasihat mereka selagi tidak bertentangan dengan ajaran agama
– menunjukkan sikap menyayangi, menghormati, dan mentaati mereka pada setiap masa
– memberikan layanan yang baik dan menggembirakan hati mereka
– menggunakan kata-kata yang lembut dan bersopan semasa berbicara dengan mereka

4. Justeru Impian di Jaring

- Syahir gigih berusaha untuk meningkatkan staminanya dan gigih berlatih untuk memantapkan permainannya dalam persediaannya menyertai pemilihan peserta ke Kejohanan Badminton Antarabangsa di Jakarta, Indonesia
- Syahir gigih berusaha untuk menewaskan Syed Amiri dalam Kejohanan Terbuka Johor meskipun pertandingan tersebut disifatkannya tidak adil dan berat sebelah
- Syahir gigih berusaha untuk menjuarai Kejohanan Badminton Antarabangsa meskipun lawannya bukan calang-calang orang dan pada masa yang sama dia menghadapi kesakitan yang keterlaluan di bahagian perutnya

Hempasan Ombak

- Farid tetap tabah dan bersemangat untuk memajukan perniagaan batiknya walaupun menghadapi masalah kewangan dengan menerima bantuan modal daripada ibunya
- Farid menghadapi peristiwa kebakaran di bengkel batik moden miliknya angkara sabotaj dengan tabah dan bersabar
- Farid menghadapi ancaman daripada Mukhtar melalui surat ugutan dengan tabah

Tawanan Komander Caucasus

- Farhani berani berhadapan dengan cabaran setelah terperangkap dalam alam kerajaan kumbang
- Farhani berani berusaha untuk menyelamatkan Kim Yong yang dikurung di dalam sebuah tabung uji meskipun keselamatan dirinya terancam
- Farhani, Dara Merah, dan Bara bersama mereka yang lain berani menentang Komander Caucasus yang demi menyelamatkan Puteri Coleopetra dan Maharaja Caucasus yang dikurung di dalam penjara

Chot

- Alias sanggup mencari beruk peliharaannya, iaitu Chot yang terlepas daripada rantainya sehingga dia lewat datang ke sekolah
- Alias sentiasa menjaga kebajikan dan keperluan Chot dengan memandikan Chot serta memberi Chot makan nasi dan pisang
- Alias menyayangi Cikgu Sunan dengan berusaha untuk menyelamatkan Cikgu Sunan daripada terus digigit oleh Chot dengan terpaksa merodok perut Chot menggunakan lembing

Bahagian C

Penyakit koronavirus atau lebih dikenal sebagai COVID-19 menjangkiti individu kepada individu yang lain melalui titisan pernafasan dan sentuhan. Oleh itu, seseorang haruslah segera mendapatkan rawatan sekiranya mengalami simptom dijangkiti virus COVID-19. Antara simptom tersebut ialah demam. Individu yang demam melebihi 38°C melebihi tiga hari haruslah kekal duduk di rumah. Selain itu, individu yang dijangkiti virus COVID-19 menghidap batuk. Individu tersebut hendaklah menjauhi tempat tumpuan awam serta memakai penutup muka dan hidung sekiranya berhadapan dengan orang lain. Akhir sekali, pesakit COVID-19 mengalami sesak nafas. Sesak nafas mungkin menunjukkan virus tersebut telah menyebabkan kerosakan kepada paru-parunya. Kesimpulannya, kita haruslah sentiasa menjaga kesihatan diri sebagai langkah pencegahan daripada dijangkiti penyakit ini.

2. Antibiotik sangat penting untuk merawat penyakit yang disebabkan oleh kuman. Selain penggunaannya mampu menyelamatkan nyawa, antibiotik juga membantu untuk mengurangkan komplikasi penyakit. Seterusnya, antibiotik penting untuk menyembuhkan penyakit yang dihidapi oleh kanak-kanak. Pada masa yang sama, penggunaan antibiotik yang sempurna dapat menghapuskan bakteria secara lengkap. Penggunaan antibiotik juga dapat mengelakkan jangkitan berulang. Pastikan antibiotik dilengkapi pengambilannya walaupun penyakit seseorang itu bertambah baik. Kesimpulannya, masyarakat haruslah mengambil antibiotik atas arahan doktor.

KERTAS 2

Bahagian A

Aktiviti bersukan meliputi permainan dan kegiatan riadah. Aktiviti bersukan merupakan cara hidup yang sihat. Hakikatnya, dengan bersukan banyak faedah yang kita peroleh.

Bersukan dapat menyihatkan tubuh kita. Otot-otot badan yang lebih aktif menyebabkan pengaliran darah menjadi lancar. Apabila badan sihat, minda kita turut cerdas. Hasilnya, pelbagai perkara yang kita lakukan akan lebih produktif dan berkualiti. Seterusnya, perpaduan antara pelbagai bangsa dapat dipupuk melalui aktiviti sukan. Hal ini demikian kerana aktiviti sukan direalisasikan berkat sikap kerjasama dan toleransi yang wujud antara peserta. Di samping itu, sukan dapat mengembangkan

bakat melalui latihan yang sistematik. Kejayaan dalam sukan dapat mengharumkan nama keluarga dan negara.

Oleh itu, kita amat digalakkan untuk bergiat dengan aktif dalam bidang sukan.

Bahagian B

1. Pendahuluan:

pada hujung minggu lalu – berpeluang untuk menyaksikan pameran teknologi maklumat dan komunikasi – diadakan di sebuah pusat beli-belah yang berdekatan – dianjurkan oleh pihak kerajaan negeri bersama-sama sebuah syarikat swasta – berlangsung selama tiga hari – menyaksikan pameran itu dengan keluarga

Isi-isi:

- (a) tiba pada pukul 11.00 pagi – pusat pameran sesak dengan orang ramai – abang sangat terkejut ketika melangkah masuk ke ruang pameran – namanya terpilih sebagai pengunjung yang ke-1000 berdasarkan nama pengunjung yang tercatat pada buku pendaftaran – sangat gembira kerana menerima berupa sebuah komputer riba
- (b) terdapat berpuluh-puluh gerai mempamerkan produk yang berkaitan – antaranya ialah komputer riba tercanggih, buku komputer, perisian komputer, pengimbas, mesin pencetak, aksesori komputer, dan lain-lain – menerima layanan mesra daripada jurujual di setiap gerai
- (c) terus berjalan dari satu gerai ke satu gerai – keadaan di situ semakin sesak dengan para pengunjung – terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat – telinga bingit oleh pelbagai macam bunyi muzik daripada komputer yang kedengaran di sana sini
- (d) pelbagai ragam manusia dapat dilihat di sepanjang pameran itu berlangsung – pengunjung berpeluang untuk bermain permainan komputer dan menyertai kuiz

Penutup:

seronok dapat menghabiskan masa berkunjung ke sini – tidak sedar bahawa telah berada di situ selama dua jam setengah – memperoleh pengalaman dan pengetahuan yang berharga

2. Pendahuluan:

teknologi maklumat dan komunikasi amat mustahak ketika masyarakat dan negara meniti arus kemodenan kini – terdapat banyak kemajuan dalam teknologi maklumat dan komunikasi yang membutuhkan pelbagai kepentingan teknologi maklumat

Isi-isi:

- (a) mampu mempercepat kerja – majoriti masyarakat di Malaysia kini mencari bahan atau sumber maklumat mereka hanya daripada Internet – tidak perlu bersusah payah mencari buku-buku yang mengandungi maklumat yang diinginkan di atas rak yang disusun dengan ribuan buku – hanya duduk di hadapan komputer mereka dan menekan satu klik sahaja demi mendapatkan maklumat yang diperlukan – dapat menjimatkan masa juga
- (b) dapat membuatkan kita berhubung dan berkomunikasi dengan orang yang berada jauh dari kita – seseorang anak yang melanjutkan pelajaran di sebuah universiti di dalam mahupun luar negara dapat melepaskan kerinduan terhadap ibu bapa mereka dengan hanya menelefon syurga mereka itu – kewujudan banyak laman sosial bagai cendawan tumbuh selepas hujan memudahkan masyarakat berinteraksi dengan kadar bayaran yang rendah
- (c) para murid dapat menggunakan Internet untuk membantu pembelajaran mereka – sudah ada banyak

laman blog yang berkaitan dengan sesuatu subjek mengikut sukatan pembelajaran di sekolah yang memenuhi Internet – termasuk panduan dan cara-cara menjawab soalan peperiksaan – dikelolakan oleh guru-guru cemerlang

Penutup:

kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi memainkan peranan yang amat mustahak kepada manusia dan negara pada hari ini – teknologi tersebut akan terus ditambahbaikkan dari semasa ke semasa seiring dengan kemajuan dunia

3. Pendahuluan:

rata-rata anak remaja hari ini terlalu leka oleh Internet sehingga membawa kesan buruk dalam kehidupan mereka – sebelum nasi menjadi bubur, ibu bapa seharusnya mengambil beberapa langkah proaktif untuk mengekang anak daripada ketagihan Internet

Isi-isi:

- (a) memberi didikan agama yang mantap kepada anak-anak sebagai pendedahan kepada anak-anak agar terelak daripada ketagihan Internet – terdapat laman web yang mengandungi kandungan yang tidak baik, seperti bahan lucah, seks, propaganda politik, dan sebagainya – menyebabkan mereka lalai untuk menyelesaikan

tuntutan agama yang wajib seperti sembahyang lima waktu sehari semalam dan belajar – didikan agama dapat mengekang anak remaja daripada melakukan perbuatan yang salah

- (b) menghadkan masa penggunaan Internet dalam kalangan anak – ibu bapa mestilah menetapkan masa penggunaan Internet pada waktu-waktu tertentu sahaja – mengajar anak-anak agar menggunakan masa dengan baik di samping bijak menggunakan Internet – anak lebih berdisiplin ketika menggunakan Internet
- (c) memberikan pendedahan tentang Internet kepada anak-anak – supaya anak-anak mengetahui kebaikan dan keburukan Internet sewaktu akhlak mereka masih dapat dibentuk – akan menyebabkan anak mereka lebih berhati-hati dalam menggunakan aplikasi yang melibatkan penggunaan Internet
- (d) memantau anak-anak semasa menggunakan Internet – tidak mudah mempercayai anak-anak kerana sikap tersebut akan membawa masalah kepada ibu bapa pada masa akan datang – dapat mengesan penyalahgunaan Internet dalam kalangan anak

Penutup:

ibu bapa haruslah melaksanakan tanggungjawab dan peranan bagi melahirkan individu yang bijak, berakhlak, serta dapat memajukan bangsa, agama dan negara